

تقوى



KOPSYA
angkasa

Muamalat
Ibadah

MINIT MESYUARAT AGUNG
PERWAKILAN TAHUNAN KE-8

MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-8

KOPERASI PEMBIAYAAN SYARIAH ANGKASA BERHAD
(KOPSYA)



KOPSYA
angkasa

Muamalat
Ibadah

Tarikh : 29 Oktober 2022 (Sabtu)
Masa : 10:00 Pagi – 5:00 Petang
Kaedah : Secara Hibrid (Fizikal Dan Maya)
Tempat : Auditorium ANGKASA Wisma Ungku A.Aziz, Jalan SS 6/1 Kelana Jaya
47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan

Kehadiran :

A. Pengerusi Mesyuarat

YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Abdul
Rahman Bin Abdul Razak Shaik

B. Anggota Lembaga KOPSYA (ALK)

1. YBhg. Datuk Seri Dr. Hj. Abdul Fattah
Bin Hj. Abdullah
Pengerusi

2. YBhg. Dato' Hj. Nik Hassan Fauzi Bin
Hj. Nik Abdullah
Setiausaha

3. Tuan Hj. Mansor Bin Ab Rahman
Bendahari

4. YBhg. Dato' Ismail Bin Hj. Nordin
ALK

5. YBhg. Datuk Hj. Mohamad Ali Bin
Hasan
ALK

6. YBhg. Dato' Hj. Kamarudin Bin Hj.
Ismail (hadir secara maya)
Timbalan Pengerusi

7. Tuan Hj. Usuf Hj. Samah @ Abu
Samah (hadir secara maya)
ALK

8. YBhg. Datuk Hjh. Noraini Binti Datuk
Seri Panglima Hj. Salleh (hadir secara
maya)
ALK

9. Tuan Hj. Mutadho Bin Bahri (hadir
secara maya)
ALK

C. Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD)

1. YBhg. Dato' Hj. Nozir Ahmad Bin
Hussain
Pengerusi

2. Tuan Hj. Shaarani Bin Hj. Abdul
Rahman
Ahli Jawatankuasa

D. Pengurusan

1. Puan Fatimah Nurhaliza Binti Mohd
Hatta
Pengurus Besar

2. Encik Nasharuddin Bin Abdul
Pengurus Susulan Kredit

3. Encik Razak Bin Osman
Pengurus Akaun dan Kewangan

E. Perwakilan Koperasi Anggota

Keseluruhan perwakilan yang hadir
ialah seramai 889 orang. Senarai wakil
koperasi adalah seperti di Lampiran A.

UCAPAN Pengerusi:

Pengerusi mengucapkan kesyukuran ke hadrat ALLAH S.W.T kerana dengan keizinan-Nya, Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) Kali Ke-8 KOPSYA dapat dilaksanakan dengan lancar setelah hampir dua (2) tahun tertangguh disebabkan penularan pandemik COVID-19 dan pembubaran Anggota Lembaga KOPSYA oleh pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Beliau bersyukur permasalahan yang dihadapi KOPSYA telah berjaya diatasi dan ditangani dengan sebaik-baiknya sehingga membolehkan KOPSYA beroperasi semula dengan lancar hasil usaha semua pihak terutamanya ALK, Jawatankuasa dan warga kerja KOPSYA di bawah kepimpinan Puan Fatimah Nurhaliza Binti Mohd Hatta selaku Pengurus Besar KOPSYA. Menurutnya, pencapaian prestasi kewangan KOPSYA bertambah baik pada tahun kewangan 2021 dan boleh dibanggakan dengan keuntungan bersih kumpulan sebanyak RM7,861,040.00. Berdasarkan akaun pengurusan sehingga 30 September 2022, KOPSYA telah berjaya mencatat anggaran keuntungan bersih sebanyak RM8juta. Beliau mengucapkan tahniah kepada pihak pengurusan di atas pencapaian tersebut.

Pengerusi menyeru semua perwakilan agar dapat menjadikan MAPT sebagai platform untuk bersama-sama berbincang dan memberikan pandangan bagi menentukan hala tuju KOPSYA seterusnya.

Pengerusi secara peribadi memohon maaf atas beberapa masalah yang dihadapi sehingga mengganggu operasi KOPSYA. Beliau mengakui ianya merupakan suatu kelemahan yang tidak seharusnya berlaku walaupun langkah berhati-hati telah dilaksanakan bagi mengelakkannya.

Usaha-usaha tertentu telah dilakukan bagi mengatasi masalah berkenaan. Beliau menyeru kepada semua perwakilan yang hadir dan ALK supaya bersama-sama bergerak ke hadapan dan membantu membangunkan serta memperkemaskan lagi KOPSYA. Beliau berharap masalah yang dihadapi sebelum ini tidak berulang lagi.

Pengerusi menyatakan dalam usaha menjulang dan memacu kecemerlangan di samping menambahbaik KOPSYA, Pelan Strategik KOPSYA sehingga tahun 2030 telah dirangka dengan misi memperkasakan pengembangan perniagaan dan pertumbuhan dinamik Koperasi Anggota KOPSYA. Menurutnya lagi, KOPSYA optimis dan komited dengan visi yang ditambahbaik sebagai Koperasi Kewangan Islam yang unggul dan berdaya saing hingga ke peringkat global. Beliau mengucapkan terima kasih kepada semua pihak termasuk kerjasama yang diberikan oleh ANGKASA dan rakan strategik KOPSYA yang terus berusaha demi pembangunan KOPSYA.

Pelan Strategik KOPSYA 2030 akan diselaraskan dengan Pelan Strategik ANGKASA 2050 (PESAN 50) dengan memfokuskan kepada empat teras strategik iaitu :

1. Memastikan prestasi kewangan dinamik.
2. Mempelbagaikan produk dan perkhidmatan kewangan berteraskan inovasi.
3. Meningkatkan pembangunan modal insan dan produktiviti.
4. Mencapai kecemerlangan operasi, integriti dan tadbir urus.

Pelan Strategik KOPSYA 2030 mensasarkan :

Bil	Perkara	Tahun Kewangan 2021	Sasaran
1	Keanggotaan	1,526	5,000
2	Syer Keanggotaan	RM53juta	RM100juta
3	Jumlah Pembiayaan Yang Dikeluarkan	RM506.8juta	RM1.3bilion
4	Dividen	5%	10%
5	Rizab Mudahcair	RM15.5juta	RM50juta
6	Kemudahan Perbankan	RM357juta	RM1.2bilion
7	Pelaburan Koperasi Anggota (kumulatif)	RM34juta	RM100juta
8	Terbitan Sukuk (kumulatif)	RM0	RM500juta
9	Pendapatan (kumulatif)	RM155juta	RM312.3juta
10	Keuntungan Sebelum Cukai (kumulatif)	RM31.4juta	RM129.4juta
11	Pengurusan Atasan	3	10
12	Belanjawan Tahunan Sumber Manusia	RM2.4juta	RM5juta
13	Pelaburan Teknologi	RM1.5juta	RM15juta

Sehubungan itu, beliau menyeru semua Koperasi Anggota untuk bersama-sama berganding bahu membangun serta menambahbaik pencapaian prestasi KOPSYA melalui Pelan Tindakan Strategik KOPSYA 2030 yang telah dirangka.


Menurut Pengerusi, penubuhan KOPSYA pada 7 Julai 2011 adalah atas persetujuan bersama dengan ANGKASA yang bertujuan untuk membantu dan memudahkan koperasi memperoleh pembiayaan. Ia berikutan kebanyakan koperasi mengalami kesukaran memperoleh pembiayaan dari institusi kewangan hingga membantutkan potensi koperasi untuk berkembang maju. Beliau mengucapkan terima kasih kepada Koperasi Anggota KOPSYA di atas kesetiaan bersama KOPSYA dari awal penubuhannya hingga kini keanggotaannya telah mencecah angka 1,526 buah koperasi.

Sebagai menghargai jasa dan pengorbanan Pengasas KOPSYA iaitu Allahyarham Dato' Dr. Mohd Ali Haji Baharum, Pengerusi memohon semua yang hadir untuk bersama-sama membacakan surah Al-Fatihah untuk disedekahkan kepada Allahyarham.

Seterusnya, beliau mengimbas kembali sejarah awal penubuhan KOPSYA 11 tahun yang lalu mengenai kesukaran yang dilalui untuk mendapatkan kelulusan penubuhan oleh Bank Negara dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Pada awalnya, hasrat ANGKASA adalah untuk menubuhkan bank koperasi yang berlandaskan prinsip pematuhan syariah sepenuhnya. Pada ketika itu, YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob merupakan Menteri yang bertanggungjawab ke atas pembangunan koperasi dan beliau banyak memainkan peranan dalam membantu dan memberi ruang kepada gerakan koperasi serta meletakkan tanggungjawab kepada ANGKASA sebagai pemimpin dan pemain utama memacu perkembangan sektor koperasi di Malaysia.

Sehubungan itu, KOPSYA perlu saling melengkapi dan seiringan dengan ANGKASA dalam setiap program dan usaha yang dilaksanakan oleh ANGKASA. Menurut beliau, kesinambungan daripada itu juga, YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob yang merupakan Perdana Menteri Malaysia Ke-9 pada masa ini amat memberi penekanan terhadap pelaksanaan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 dan mahu ANGKASA turut berperanan menjayakannya bersama-sama.

Pengerusi menyatakan ANGKASA merupakan pemegang syer terbesar dalam KOPSYA sehingga kini telah melanggan sebanyak RM24juta dalam bentuk syer dan RM27.5juta dalam bentuk pelaburan. Sehubungan itu, beliau menyeru Koperasi Anggota KOPSYA untuk turut sama menambah langganan syer dalam KOPSYA. Selain itu, usaha akan digerakkan untuk menarik anggota ANGKASA yang masih belum menjadi Koperasi Anggota KOPSYA untuk berbuat demikian. Beliau juga mohon Koperasi Anggota KOPSYA yang sedia ada untuk turut



bersama-sama mempromosi membantu menambah keanggotaan KOPSYA. Ianya selaras dengan Pelan Tindakan Strategik KOPSYA unjuran 2030 yang menasaskan keanggotaan sehingga 5,000 koperasi.

Menurutnya, usaha penambahan keanggotaan itu penting bagi menunjukkan kepada pihak Kerajaan bahawa gerakan koperasi dominan dan bersungguh-sungguh dalam membangunkan ekonomi negara. Beliau menyatakan pada masa kini, gerakan koperasi dianggarkan menyumbang hanya 3% dari Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berbanding dengan negara luar seperti Thailand dan Vietnam yang menyumbang melebihi 10% terhadap KDNK negara masing-masing. Melalui Pelan Strategik KOPSYA 2030, Pengerusi yakin KOPSYA mampu memainkan peranannya dalam membantu menyumbang kepada lonjakan pendapatan sektor koperasi.

Sebagai Presiden ANGKASA yang diberi mandat menerajui ANGKASA sehingga 2025, beliau akan berusaha membantu membangunkan KOPSYA dan berkeyakinan KOPSYA akan berkembang maju dan mampu mendominasi sektor koperasi dan seterusnya mendapat keyakinan dari pihak Kerajaan tentang keupayaannya membantu gerakan koperasi.

Beliau juga berharap KOPSYA merebut peluang sebagai salah satu komponen untuk mendapat lesen bank digital memandangkan ada cadangan dari pihak Kerajaan untuk menambah bilangan lesen bank digital yang sedia ada. Peluang itu dilihat sebagai sesuatu yang cukup baik bagi membolehkan KOPSYA mewakili gerakan koperasi dalam pengoperasian bank digital. Ini merupakan hasrat ANGKASA dan KOPSYA selari dengan hala tuju baru yang akan dibawa bagi mencapai matlamat Pelan Strategik KOPSYA 2030. Selain itu juga, KOPSYA masih dengan tujuan asalnya iaitu seboleh mungkin berharap dapat menjadi salah satu bank koperasi patuh syariah di Malaysia selain Bank Rakyat dan CoopBank Pertama yang telah sedia ada.

Pengerusi berharap Kerajaan baru yang akan dibentuk selepas Pilihanraya Umum (PRU) Ke-15 pada 19 November 2022, akan turut mengambilkira kepentingan gerakan koperasi dalam agenda pembangunan negara. Beliau juga menyeru Koperasi Anggota KOPSYA supaya bijak memilih calon ALK yang bukan sahaja mampu memperkasa KOPSYA, malahan membangunkan gerakan koperasi di Malaysia.

Pengerusi memaklumkan melalui Perintah Penghakiman Persetujuan yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Malaya di Shah Alam oleh Yang Arif Hakim Dr. Shahnaz Binti Sulaiman pada 29 Julai 2022, mahkamah telah mengembalikan ALK KOPSYA yang lama sepertimana

yang asal (*status quo*). Sekiranya ada Koperasi Anggota yang tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah tersebut, maka boleh memfailkan rayuan atau permohonan di Mahkamah untuk mengenenepikan Perintah tersebut. Beliau berharap semua akur dengan keputusan perintah Mahkamah tersebut dan mengucapkan terima kasih kepada pihak SKM dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang bersetuju menerima keputusan Perintah tersebut.

Pengerusi mengucapkan terima kasih atas kehadiran semua perwakilan menghadiri MAPT KOPSYA Kali Ke-8 sama ada secara fizikal mahupun secara maya. Beliau berharap mesyuarat berjalan lancar dan semua perwakilan dapat bersama-sama bermesyuarat demi pemerkasaan KOPSYA bagi memastikan KOPSYA dapat memainkan peranan yang lebih berkesan dalam membantu kelangsungan dan kemajuan koperasi selaras dengan Pelan Strategik KOPSYA 2030.

Beliau sekali lagi menggesa supaya Koperasi Anggota menambah syer dalam KOPSYA. Setakat yang dilaporkan sehingga 30 September 2022, syer keanggotaan berjumlah RM53.4juta. Pengerusi menyatakan pendirian beliau akan mempertahankan supaya KOPSYA menjadi jentera utama ANGKASA walaupun mungkin pada masa akan datang syer Koperasi Anggota akan melebihi dari syer yang dimiliki oleh ANGKASA.

Dari segi keanggotaan, beliau optimis KOPSYA mampu melepasi sasaran Pelan Strategik KOPSYA 2030 berikutan pindaan Akta Koperasi 1993 (Akta 502) kepada Akta Koperasi (Pindaan) 2021 (A1634) yang berkuatkuasa pada 1 Mac 2021 yang menyatakan hanya 20 orang ahli diperlukan untuk menubuhkan koperasi berbanding 50 orang sebelum ini.

Beliau yakin menjelang tahun 2030, KOPSYA mampu melepasi sasaran Pelan Strategik KOPSYA 2030 sekiranya mendapat sokongan berterusan dari Koperasi Anggota dari segi penambahan langganan syer dan sokongan ekosistem koperasi dari pihak Kerajaan untuk diselaraskan dengan dasar-dasar dan polisi-polisi ANGKASA dan KOPSYA.

Menurutnya di ANGKASA, terdapat lapan (8) sektor pembangunan perniagaan koperasi yang diberi penekanan bagi merancang, merangka, mengatur dan melaksana skop pembangunan ekonomi sejajar dengan harapan Kerajaan melihat Sektor Koperasi menyumbang RM50bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Ia meliputi :

1. Sektor Pembangunan Perkhidmatan Kewangan
2. Sektor Peruncitan Dan Pemborongan
3. Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri Dan Kesihatan
4. Sektor Pertanian Dan Industri Tani
5. Sektor Perladangan
6. Sektor Pembangunan Hartanah
7. Sektor Inovasi Dan Teknologi
8. Sektor Pembangunan Komuniti

Beliau mengulangi saranan Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob supaya ANGKASA memainkan peranan dalam pelaksanaan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025. Bagi menyahut saranan tersebut, ANGKASA berhasrat menjadikan KOPSYA untuk menguruskannya dari segi pembiayaan.

Menurutnya, YAB Perdana Menteri telah menyarankan supaya kedai-kedai runcit koperasi, kedai-kedai runcit di bawah TEKUN dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) digabungkan dan diletakkan di bawah satu rangkaian kedai runcit koperasi dengan hasrat supaya semua barang kawalan hanya boleh didapati di kesemua 30,000 kedai koperasi yang disasarkan. Perkara itu kelak akan dijadikan sebagai dasar Kerajaan.

Pengerusi menyeru semua Koperasi Anggota untuk menanamkan keazaman bagi menggerakkan koperasi bersama Kerajaan dan saling berganding bahu, bergerak seiring serta bersama-sama mengatasi segala kelemahan demi kelangsungan dan kemajuan KOPSYA ke tahap yang lebih baik.

Sebelum mengakhiri ucapan, beliau membacakan doa memohon kesejahteraan, kemakmuran dan pembangunan KOPSYA, Koperasi Anggota serta gerakan koperasi di Malaysia.

AGENDA 1 :

MELANTIK Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) KE-8

1.1 Pengerusi KOPSYA, YBhg. Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Bin Abdullah memaklumkan menurut Perkara 33 (1), Undang-Undang Kecil (UUK) KOPSYA, Pengerusi Koperasi hendaklah mempengerusikan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan dan Mesyuarat Agung Perwakilan Khas. Oleh kerana Pengerusi dan tujuh (7) orang ALK KOPSYA yang gugur telah menawarkan diri untuk pemilihan semula 15 orang ALK KOPSYA, maka beliau mencadangkan Pengerusi Mesyuarat dilantik dalam kalangan perwakilan anggota yang hadir.

1.2 Pengerusi KOPSYA mencadangkan Prof. Madya Dato' Dr. Hj. Abdul Rahman Bin Abdul Razak Shaik dilantik sebagai Pengerusi MAPT KOPSYA Ke-8.

1.3 Keputusan:

Mesyuarat bersetuju sebulat suara Prof. Madya Dato' Dr. Hj. Abdul Rahman Bin Abdul Razak Shaik dilantik untuk mempengerusikan MAPT KOPSYA Ke-8.

Pencadang : Pn. Anis Akmal Binti Arshad
(Koperasi Kakitangan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam Malaysia Berhad)

Penyokong : Ustaz Muhammad Amir Bin Abdullah
(Koperasi Melayu Berjawatan Kerajaan Negeri Sembilan Berhad)

1.4 Pengerusi Mesyuarat mengucapkan terima kasih atas kepercayaan Pengerusi KOPSYA dan perwakilan. Beliau memaklumkan:

1.4.1 Terdapat tiga (3) naskah buku iaitu Buku Laporan Tahunan 2021, Buku Pencalonan MAPT KOPSYA Ke-8 dan Buku Usul MAPT KOPSYA Ke-8 dan tiga (3) kertas edaran (Edaran 1, Edaran 2 dan Edaran 3) yang telah diedarkan kepada semua perwakilan yang hadir secara fizikal semasa pendaftaran.

1.4.2 MAPT KOPSYA Ke-8 adalah yang pertama kali diadakan secara hibrid setelah dua (2) tahun tidak diadakan mesyuarat agung. Beliau memohon semua perwakilan untuk turut membantu beliau dalam melancarkan lagi perjalanan mesyuarat sebagaimana yang termaktub dalam Perintah Tetap dan UUK.

1.4.3 Sehingga jam 11.05 pagi, kehadiran perwakilan adalah seramai 889 orang iaitu 339 orang hadir secara fizikal, manakala 550 orang hadir secara maya. Bilangan ini adalah mencukupi kuorum yang ditetapkan iaitu melebihi kuorum minimum 508 orang.

1.5 Ustaz Muhammad Amir Bin Abdullah, wakil Koperasi Melayu Berjawatan Kerajaan Negeri Sembilan Berhad menyatakan bahawa pada tahun 2018, beberapa pindaan UUK telah dibuat termasuk pindaan UUK Perkara 33(1) berkaitan pelantikan Pengerusi Mesyuarat. Walau bagaimanapun, sehingga kini koperasi beliau masih belum menerima salinan senaskah buku UUK (Pindaan 2014). Beliau mencadangkan agar senaskah buku UUK (Pindaan 2014) diedarkan kepada anggota.

Maklum balas ALK dan Pengurusan :

Pengerusi KOPSYA memohon pihak pengurusan ambil perhatian berkaitan perkara ini bagi memastikan senaskah buku UUK (Pindaan 2014) dibuat edaran untuk makluman semua Koperasi Anggota.

AGENDA 2 :

MENGESAHKAN MINIT MAPT KOPSYA KE-7 TAHUN 2018

2.1 Setiausaha membentangkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-7 tahun 2018 dari muka surat 11 hingga 52 di dalam Buku Laporan Tahunan 2021.

2.2 Pertanyaan Perwakilan :

2.2.1 Tuan Hj. Anuar Bin Ibrahim, wakil Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad.

2.2.1.1 Memohon dibuat pindaan ejaan nama Ahli Jawatankuasa Penentusah Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-7 tahun 2018 di muka surat 25 Buku Laporan Tahunan 2021 iaitu "Tuan Haji Abd. Majib bin Jusoh" dipinda kepada "Tuan Haji Majib Bin Jusoh".

Maklum balas ALK dan Pengurusan :

Ejaan nama di muka surat 25 iaitu "Tuan Haji Abd. Majib bin Jusoh" dipinda kepada "Tuan Haji Majib Bin Jusoh".

2.2.1.2 Beliau berpendapat bahawa perkara berkaitan writ saman bertarikh 17 Disember 2018 yang dikenakan terhadap KOPSYA seharusnya dilaporkan di Agenda 4 : Membentang Dan Menerima Laporan Lembaga Bagi Tempoh Januari Hingga Disember 2018.

Maklum balas ALK dan Pengurusan :

Pengurus Besar menjelaskan perkara berkaitan writ saman tersebut tidak diketahui pada ketika itu, maka ianya tidak dilaporkan.

2.3 Keputusan :

Mesyuarat bersetuju sebulat suara mengesahkan Minit MAPT KOPSYA Ke-7 Tahun 2018.

Pencadang : Encik Mustfa Kamal Bin Sulaiman
(Koperasi Peserta-Peserta FELCRA Gugusan Sungai Kambang Berhad)

Penyokong : Encik Shaarani Bin Mahmud
(Koperasi FELCRA Kuala Kangsar Berhad)

AGENDA 3 :

MEMBENTANG DAN MENERIMA LAPORAN LEMBAGA BAGI TEMPOH JANUARI SEHINGGA DISEMBER 2019, 2020 DAN 2021

3.1 Setiausaha membentangkan :

3.1.1 Laporan Lembaga di dalam Buku Laporan Tahunan 2019 dan 2020 bagi tempoh Januari sehingga Disember 2019 dan 2020 dari muka surat 55 hingga 78.


3.1.2 Laporan Lembaga di dalam Buku Laporan Tahunan 2021 bagi tempoh Januari sehingga Disember 2021 dari muka surat 53 hingga 61.

3.2 Pertanyaan Perwakilan :

3.2.1 Tuan Hj. Mohamad Khozali Bin Junus, wakil Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Daerah Kulim Berhad mohon penjelasan mengenai tindakan yang diambil ALK KOPSYA terhadap tuntutan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) ke atas KOPSYA berjumlah RM1,637,493.50 berikutan penutupan operasi Hotel Aliya.

Maklum balas ALK dan Pengurusan :

KOPSYA telah menutup operasi Hotel Aliya pada 31 Disember 2020 berikutan ketiadaan pelanggan serta kos operasi yang tinggi. Pengerusi menegaskan pada masa akan datang, KOPSYA akan hanya menumpukan kepada perniagaan teras (*core business*) sahaja iaitu pembiayaan kepada koperasi dan tidak perlu terlibat dalam projek-projek perniagaan yang kurang relevan.



Manakala, projek-projek perniagaan akan diletakkan di bawah kendalian ANGKASA melalui sektor pembangunan perniagaan koperasi (*sector lead*) memandangkan ANGKASA memperolehi peruntukan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi (KWAPb), SKM bagi melaksanakan projek berkonsep inkubator melalui sector lead.

- 3.2.2 Encik Mustfa Kamal Bin Sulaiman, wakil Koperasi Peserta-Peserta FELCRA Gugusan Sungai Kambang Berhad mohon penjelasan mengenai permasalahan dalaman KOPSYA sehingga kes difailkan ke mahkamah. Beliau juga mohon dimaklumkan berkaitan keputusan mahkamah.

Maklum balas ALK dan Pengurusan :

BTRSB telah memfailkan writ saman pada 17 Disember 2018 sebanyak RM11,692,094.48 terhadap KOPSYA kerana telah melanggar terma dan syarat dalam perjanjian "*Turnkey Agreement*". Mantan KPE telah melantik peguam untuk mewakili KOPSYA tanpa pengetahuan dan mendapatkan mandat dari ALK KOPSYA pada ketika itu.

Turnkey Agreement telah ditandatangani di antara KOPSYA dan Break-Through Resources Sdn Bhd (BTRSB) pada 29 Mei 2017 yang melibatkan projek '*gamma plant for sterilization of medical products and decontamination/phytosanitary treatment of Agri products*'. Pada ketika itu, KOPSYA telah diwakili oleh Dato' Syed Mohd Ghazali Wafa Bin Syed Adwam Wafa yang merupakan Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) dan BTRSB diwakili oleh Encik Rezman Bin Mat Jaan.

- 3.2.3 Prof. Abdul Razak Bin Chik, wakil Koperasi Universiti Utara Malaysia Berhad mohon penjelasan mengenai pembayaran oleh KOPSYA sebanyak RM3,247,124.00 bagi penyelesaian luar mahkamah dengan Break-Through Resources Sdn Bhd (BTRSB). Beliau mempersoalkan tentang tanggungjawab menuntut pembayaran semula dari mantan Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) seorang sahaja, sedangkan mengikut Akta Koperasi, liabiliti turut ditanggung oleh ALK yang lain.

Maklum balas ALK dan Pengurusan :

Mantan KPE telah mengambil tanggungjawab untuk membayar kos yang ditanggung oleh KOPSYA untuk menyelesaikan tuntutan luar mahkamah melalui Perjanjian Penyelesaian Global antara KOPSYA dan mantan KPE.

3.2.4 Ustaz Muhammad Amir Bin Abdullah, wakil Koperasi Melayu Berjawatan Kerajaan Negeri Sembilan Berhad merujuk kepada kes mahkamah pada 2019 dan Perintah Garnisi pada 2020 yang melibatkan KOPSYA dan Break-Through Resources Sdn Bhd (BTRSB).

3.2.4.1 Beliau mohon penjelasan mengenai kewajaran mantan KPE KOPSYA dipertanggungjawabkan sepenuhnya terhadap pembayaran berjumlah RM2,811,084.60 yang dituntut oleh pihak BTRSB terhadap KOPSYA. Menurutnya, ia perlu dipertanggungjawabkan ke atas ALK KOPSYA.

Maklum balas ALK dan Pengurusan :

Mantan KPE telah mengambil tanggungjawab untuk membayar kos yang ditanggung oleh KOPSYA untuk menyelesaikan tuntutan luar mahkamah melalui Perjanjian Penyelesaian Global antara KOPSYA dan mantan KPE.

3.2.4.2 Beliau juga mohon penjelasan mengenai dana yang digunakan KOPSYA bagi menyelesaikan kes diluar mahkamah dengan Penyelesaian Global sebanyak RM2,900,000.00 kepada BTRSB sedangkan pada ketika itu semua akaun KOPSYA telah dibekukan.

Maklum balas ALK dan Pengurusan :

Pembayaran Penyelesaian Global kepada BTRSB telah dibuat daripada dana yang dibekukan sebelum ini seperti berikut:

Bank digarnis	Jumlah digarnis (RM)
CIMB Islamic Bank Berhad	65,200.42
Bank Islam Malaysia Berhad	2,397,504.33
Maybank Islamic Berhad	15,694.53
Jumlah	2,478,399.28

Baki berjumlah RM421,600.72 dibayar secara ansuran tiga (3) kali bermula Oktober, November dan Disember 2020.

3.2.5 Tuan Hj. Mohamad Noor Bin Mohamad, wakil Koperasi Muslimin Malaysia Berhad menyatakan bahawa:

3.2.5.1 Di dalam UUK KOPSYA, agenda pembentangan Laporan Tahunan adalah bersekali dengan Laporan Juruaudit Dalam (JAD) tetapi pada mesyuarat kali ini ianya tidak disekalikan. Beliau mencadangkan supaya pada masa hadapan agenda tersebut disekalikan kerana kedua-dua laporan tersebut berhubungkait, tambahan pula ianya sebagaimana telah ditetapkan dalam UUK KOPSYA.

Maklum balas ALK dan Pengurusan :

KOPSYA mengambil maklum atas cadangan Tuan Hj. Mohamad Noor Bin Mohamad.

3.2.6 Tuan Hj. Ismail Bin Muda, wakil Koperasi Peka Malaysia Berhad mohon penjelasan mengenai penyerahan semula kuasa kepada ALK KOPSYA oleh SKM di atas perintah mahkamah. Penyerahan semula kuasa tersebut bererti ALK KOPSYA tidak melakukan kesilapan dalam operasi pengurusan KOPSYA. Beliau menyatakan wakil Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) seharusnya hadir mesyuarat untuk memberi penjelasan. Beliau mencadangkan untuk MAPT KOPSYA yang akan datang, pengurusan hendaklah memastikan wakil SKM dijemput hadir dan kehadirannya diwajibkan.

Maklum balas ALK dan Pengurusan :

KOPSYA telah menghantar jemputan kepada SKM untuk menghadiri MAPT KOPSYA dan SKM secara lisan telah maklum ketidakhadiran wakilnya.

3.2.7 Tuan Hj. Anuar Bin Ibrahim, wakil Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad mohon penjelasan mengenai perincian maklumat *Turnkey Agreement* yang telah ditandatangani di antara KOPSYA dan Break-Through Resources Sdn Bhd (BTRSB). Ini berikutan writ saman yang telah dikemukakan oleh BTRSB terhadap KOPSYA sehingga membawa kepada kes mahkamah dan Perintah Garnisi pada tahun 2019 dan 2020.

Maklum balas ALK dan Pengurusan :

Turnkey Agreement telah ditandatangani di antara KOPSYA dan Break-Through Resources Sdn Bhd (BTRSB) pada 29 Mei 2017 yang melibatkan projek '*gamma plant for sterilization of medical products and decontamination/phytosanitary treatment of Agri products*'. Pada ketika itu, KOPSYA telah diwakili oleh Dato' Syed Mohd Ghazali Wafa Bin Syed Adwam Wafa yang merupakan Ketua Pegawai

Eksekutif (KPE) dan BTRSB diwakili oleh Encik Rezman Bin Mat Jaan.

- 3.2.8 Tuan Hj. Alimen Bin Ahmad, wakil Koperasi Kebajikan Am Langgar Berhad mohon penjelasan mengenai peristiwa penting dalam tahun kewangan 2019/2020 berkaitan pembubaran Ahli Lembaga KOPSYA dan penyelesaian kes Perintah Garnisi sebagaimana dilaporkan di muka surat 150 Buku Laporan Tahunan 2019 dan 2020.

Maklum balas ALK dan Pengurusan :

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah menjalankan pemeriksaan dan siasatan terhadap KOPSYA. Hasil pemeriksaan dan siasatan tersebut, SKM telah mengeluarkan Perintah Pembubaran ALK KOPSYA dan Perlantikan Pentadbir dari SKM yang mana kedua-dua perintah tersebut bertarikh 25 September 2020. ALK KOPSYA telah mengemukakan permohonan di Mahkamah untuk membatalkan perintah-perintah SKM bertarikh 25 September 2020.

- 3.2.9 Dato' Hj. Mat Rejab Bin Kassim, wakil Koperasi Alumni KCS Darul Aman Berhad:

3.2.9.1 Mohon penjelasan sekiranya terdapat pembayaran yang diterima KOPSYA dari Demi Idaman Sdn Bhd (DISB) berikutan kegagalan aktiviti perniagaan Gold Trading hasil usahasama dengan DISB. Beliau juga mohon penjelasan tindakan yang diambil KOPSYA berikutan kegagalan aktiviti perniagaan tersebut.

Maklum balas ALK dan Pengurusan :

Sehingga kini KOPSYA tidak menerima sebarang pembayaran dari Demi Idaman Sdn Bhd (DISB) berikutan kegagalan aktiviti perniagaan Gold Trading hasil usahasama dengan DISB. Perincian mengenai perkara itu dan tindakan yang telah diambil oleh KOPSYA terhadap DISB boleh dirujuk di muka surat 56 Buku Laporan Tahunan 2021.

3.2.9.2 Beliau juga bertanyakan jumlah pembiayaan tidak berbayar oleh koperasi anggota dan tindakan yang telah dan akan diambil KOPSYA berkaitan perkara itu.

Maklum balas ALK dan Pengurusan :

Jumlah pembiayaan tidak berbayar oleh koperasi berjumlah RM128,854.00 dan melibatkan sebanyak lapan (8) buah koperasi. KOPSYA telah mengambil tindakan dengan membawa beberapa buah koperasi kepada Tribunal SKM. KOPSYA juga telah membuat penstrukturan dan penjadualan semula pembiayaan.

3.2.9.3 Beliau merujuk kepada Laporan Keanggotaan dan Modal Syer di muka surat 58 Buku Laporan Tahunan 2021 dan bertanyakan jumlah syer dan pelaburan yang telah disumbang oleh ANGKASA.

Maklum balas ALK dan Pengurusan :

Jumlah syer milik ANGKASA di dalam KOPSYA adalah sebanyak RM24juta dan jumlah pelaburan sebanyak RM27.5juta.

3.3 Keputusan:

Mesyuarat bersetuju sebulat suara untuk menerima Laporan Lembaga Bagi Tempoh Januari sehingga Disember 2019, 2020 dan 2021.

Pencadang : Tn. Hj. Mohamad Hanifah Bin BK Koya Moideen Kutty
(Koperasi Guru Melayu Pahang Selatan Berhad)

Penyokong : Ustaz Muhammad Amir Bin Abdullah
(Koperasi Melayu Berjawatan Kerajaan Negeri Sembilan Berhad)

3.4 Pengerusi Mesyuarat mencadangkan supaya Agenda 6 dan Agenda 7 didahulukan.

3.5 Keputusan :

Mesyuarat bersetuju sebulat suara mendahulukan Agenda 6 dan Agenda 7.

Pencadang : Pn. Anis Akmal Binti Arshad
(Koperasi Kakitangan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan PembersihanAwam Malaysia Berhad)

Penyokong : Ustaz Muhammad Amir Bin Abdullah
(Koperasi Melayu Berjawatan Kerajaan Negeri Sembilan Berhad)

AGENDA 4:
MEMBENTANG LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN BAGI TEMPOH
JANUARI SEHINGGA DISEMBER 2019, 2020 DAN 2021
(Asalnya adalah Agenda 6)

4.1 Setiausaha membentangkan :

4.1.1 Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman di dalam Buku Laporan Tahunan 2019 dan 2020 bagi tempoh Januari sehingga Disember 2019 dan 2020 dari muka surat 79 hingga 87.

4.1.2 Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman di dalam Buku Laporan Tahunan 2021 bagi tempoh Januari sehingga Disember 2021 dari muka surat 69 hingga 76.

4.2 Pertanyaan Perwakilan :

4.2.1 Tn. Hj. Mohamad Khozali Bin Junus, wakil Koperasi Pegawai-pegawai Kerajaan Daerah Kulim Berhad mohon penjelasan bagi perkara-perkara seperti berikut:

4.2.1.1 Prestasi pembiayaan Koperasi Al-Taqwa Kg. Kisap Langkawi Berhad;

4.2.1.2 Cagaran ke atas pembiayaan tersebut dan jika tiada cagaran, mohon penjelasan;

4.2.1.3 Kehadiran ALK yang berkaitan di dalam mesyuarat semasa pembiayaan tersebut dibincang dan diluluskan;

Maklum balas ALK dan Pengurusan:

Setakat 25 Oktober 2022, pembiayaan Koperasi Al-Taqwa Kg Kisap Langkawi Berhad mempunyai tunggakan selama 63 bulan berjumlah RM1.4juta termasuk keuntungan dan kos-kos yang berkaitan. KOPSYA telah mengambil tindakan undang-undang dan telah menfailkan kes ke Mahkamah Tinggi Alor Setar pada 24 Ogos 2022 dan tarikh perbicaraan adalah pada 20 Mac 2023 untuk melelong cagaran aset untuk kali kedua.

Berdasarkan laporan penilaian oleh jurunilai bebas, tanah seluas 3.5 ekar yang berada di lokasi sangat strategik di Pekan Kuah, Pulau Langkawi mempunyai nilai pasaran dianggarkan sebanyak RM2.5juta.

4.2.2 Tn. Hj. Mohamad Khozali Bin Junus, wakil Koperasi Pegawai-pegawai Kerajaan Daerah Kulim Berhad juga mohon penjelasan Laporan Pembiayaan

Tertunggak, pembiayaan tidak berbayar (NPF) dan kes di bawah Tribunal SKM, di mana terdapat lapan (8) buah koperasi yang mengalami masalah pembayaran balik pembiayaan.

4.2.2.1 Prestasi pembiayaan lapan (8) buah koperasi tersebut;

4.2.2.2 Cagaran atau tiada cagaran ke atas pembiayaan tersebut;

Maklum balas ALK dan Pengurusan:

Berikut adalah Koperasi yang mempunyai masalah pembayaran balik pembiayaan dan mempunyai cagaran atau tidak:

Bil	Koperasi	Bulan Tunggakan	Jenis Cagaran
1	Kop Pembangunan Daerah Alor Gajah Melaka Bhd	10	Hartanah
2	Kop Pegawai Melayu Kelantan Bhd	15	Hartanah
3	Kop Felda Lepar Hilir Satu Bhd	Penstrukturan Semula	Hartanah
4	Kop Pengusaha dan pengilang Ubi Selangor Bhd	55	Rumah
5	Kop Kemas Terengganu Bhd	Telah selesai	
6	Kop Guru Melayu Larut, Matang, Selama dan Dinding Taiping Bhd	9	BPA*
7	Kop Pekerja-pekerja Era Baharu Kuala Lumpur Bhd	12	BPA*
8	Kop Perunding Takaful Ikhlas Malaysia Bhd	25	BPA*

Nota: * Untuk No. 6 hingga 8, potongan BPA yang diterima tidak mencukupi kerana koperasi tidak mengikut terma dan syarat pembiayaan.

4.2.2.3 Kehadiran ALK yang berkaitan di dalam mesyuarat semasa pembiayaan tersebut dibincang dan diluluskan;

Maklum balas ALK dan Pengurusan:

Tiada ALK yang berkaitan terlibat dalam mesyuarat semasa pembiayaan dibincang dan diluluskan.

4.2.2.4 Penglibatan koperasi ALK KOPSYA dalam pembiayaan tersebut;

Maklum balas ALK dan Pengurusan:

Hanya terdapat satu (1) koperasi iaitu Koperasi Pembangunan Daerah Alor Gajah Melaka Bhd di mana ALK yang terlibat adalah Timbalan Pengerusi KOPSYA iaitu Dato' Kamarudin bin Hj. Ismail. Beliau kini memegang jawatan sebagai Pengerusi Koperasi.

4.2.2.5 Berapakah NPF setiap koperasi berkenaan serta tempoh dan adakah ALK bercadang untuk hapus kira;

Maklum balas ALK dan Pengurusan:

Butiran adalah seperti berikut:

Bil	Koperasi	Bulan Tunggakan	Hapus Kira
1	Kop Pembangunan Daerah Alor Gajah Melaka Bhd	10	Tidak
2	Kop Pegawai Melayu Kelantan Bhd	15	Tidak
3	Kop Felda Lepar Hilir Satu Bhd	Penstrukturan Semula	
4	Kop Pengusaha dan pengilang Ubi Selangor Bhd	55	Tidak
5	Kop Kemas Terengganu Bhd	Telah selesai	
6	Kop Guru Melayu Larut, Matang, Selama dan Dinding Taiping Bhd	9	Tidak
7	Kop Pekerja-pekerja Era Baharu Kuala Lumpur Bhd	12	Tidak
8	Kop Perunding Takaful Ikhlas Malaysia Bhd	25	Tidak

4.2.3 Tn. Hj. Alimen Bin Ahmad, wakil Koperasi Kebajikan Am Langgar Berhad mohon penjelasan mengenai isu Perintah Garnisi Akaun KOPSYA oleh Mahkamah pada 17 Disember 2018. Menurut beliau, KOPSYA telah kalah untuk mengenyahkan perintah garnisi dengan alasan Persetujuan Penghakiman telah dipersetujui oleh mantan KPE dan tiga (3) ALK telah mengetahui mengenai tindakan undang-undang yang akan diambil oleh BTRSB sebelum writ saman pada 17 Disember 2018. Beliau menyatakan kecuaiannya telah menyebabkan akaun bank KOPSYA dibekukan dan KOPSYA mengalami kerugian sebanyak RM2.9 juta melalui Penyelesaian Global di luar mahkamah oleh Pentadbir. Justeru, beliau memohon penjelasan bagi persoalan seperti berikut :

4.2.3.1 Mengapa ALK tidak melaporkan Perintah Garnisi akaun KOPSYA dalam Mesyuarat Agung Tahunan Ke-7 yang berlangsung pada 4 Mei 2019 sedangkan perkara itu telah berlaku pada tahun 2018?;

Maklum balas ALK dan Pengurusan :

Pengurus Besar menjelaskan perkara berkaitan writ saman tersebut tidak diketahui pada ketika itu, maka ianya tidak dilaporkan.

4.2.3.2 Siapa tiga (3) ALK yang mengetahui tentang perkara itu dan adakah dibincangkan secara terperinci dalam mesyuarat Lembaga KOPSYA?;

Maklum balas ALK dan Pengurusan :

Tiga (3) ALK KOPSYA yang menerima surat mengenai tindakan undang-undang yang akan diambil oleh BTRSB adalah Pengerusi KOPSYA, Datuk Seri Dr. Hj. Abdul Fattah Bin Hj. Abdullah, Timbalan Pengerusi KOPSYA, Tn. Hj. Mutadho Bin Bahri dan Setiausaha KOPSYA, Tn. Hj. Mohamad Azmi Omaruddin. Namun begitu, semua surat yang dialamatkan untuk perhatian Mantan KPE dan hanya salinan diberi kepada tiga (3) ALK yang berkenaan.

4.2.3.3 Adakah ALK mengambil tindakan undang-undang terhadap mantan KPE atas kesalahan yang dilakukan?;

Maklum balas ALK dan Pengurusan :

Pengerusi KOPSYA memaklumkan bahawa di dalam Mesyuarat Lembaga keputusan telah dibuat untuk memberhentikan semua aktiviti yang berkaitan tetapi yang berlaku adalah sebaliknya. ALK juga telah membuat laporan polis dan tindakan undang-undang telah pun diambil terhadap Mantan KPE.

4.2.4 Dato' Hj. Mat Rejab Bin Kassim wakil Koperasi Alumni KCS Darul Aman Berhad

4.2.4.1 Mohon penjelasan sama ada akaun bayaran tertunggak ada melibatkan ALK semasa dan tindakan selain ke tribunal yang boleh/akan diambil terhadap mereka.

Maklum balas ALK dan Pengurusan :

Hanya terdapat satu (1) koperasi iaitu Koperasi Pembangunan Daerah Alor Gajah Melaka Bhd di mana ALK yang terlibat adalah Timbalan Pengerusi KOPSYA iaitu Dato' Kamarudin bin Hj. Ismail. Beliau kini memegang jawatan sebagai Pengerusi Koperasi. Penstrukturan semula telah diluluskan bagi akaun pembiayaan tersebut dan sedang dalam proses dokumentasi.

4.2.4.2 Beliau juga mohon penjelasan sama ada ALK masih menerima bayaran elaun tetap sebelum dan selepas teguran JAD. Sekiranya ALK telah menerima manfaat tersebut, adakah ia telah mendapat kelulusan MAPT.

Maklum balas ALK dan Pengurusan :

ALK KOPSYA telah menerima separuh daripada tunggakan elaun tetap. KOPSYA akan membentangkan belanjawan 2022 mengenai perbelanjaan anggota lembaga di dalam perkara (G) di dalam agenda 9 untuk kelulusan MAPT KOPSYA ke-8.

4.2.5 Ustaz Muhammad Amir Bin Abdullah wakil Koperasi Melayu Berjawatan Kerajaan Negeri Sembilan Berhad.

4.2.5.1 Menyatakan bahawa aktiviti perhotelan dan Gold Trading bukan aktiviti teras KOPSYA sebaliknya, pendapatan utama KOPSYA adalah melalui aktiviti pembiayaan. Ianya telah melanggar UUK KOPSYA jika menjalankan aktiviti perniagaan yang lain dari aktiviti utama. Justeru, beliau mohon penjelasan sama ada KOPSYA atau ALK yang perlu menanggung kerugian selaras dengan Seksyen 45 AKTA.

Maklum balas ALK dan Pengurusan :

Merujuk UUK KOPSYA Perkara 9 (3) muka surat 12 KOPSYA boleh menjalankan aktiviti selain daripada aktiviti perbankan Islam. Aktiviti perhotelan dan Gold Trading adalah sebahagian daripada aktiviti perniagaan KOPSYA.

Bagi aktiviti perhotelan, KOPSYA telah menghapuskira aset pada tahun kewangan berakhir 2020 berjumlah RM5,993,314.00. Manakala, untuk aktiviti Gold Trading, KOPSYA telah membuat peruntukan rosot nilai berjumlah RM850,684.00 perbezaan di antara jumlah hutang RM4,700,684.00 dengan harga pasaran aset RM3,850,000.00.

4.2.5.2 Beliau juga mohon penjelasan bagi persoalan seperti berikut:

4.2.5.2.1 Apakah yang dimaksudkan dengan Kaveat Persendirian atas aset kediaman milik ibu kepada salah seorang Lembaga Pengarah dan juga Power of Attorney (PA) sebagai jaminan bayaran balik dan dipindah milik, jika DISB gagal membayar balik;

4.2.5.2.2 Adakah Kaveat itu untuk dipindah milik atau sekadar sekatan sahaja;

4.2.5.2.3 Jika boleh dipindah milik, adakah ianya bertentangan dengan Akta Tanah 1952;

Maklum balas ALK dan Pengurusan :

Kaveat Persendirian dimasukkan adalah untuk membuktikan bahawa KOPSYA mempunyai kepentingan di atas hartanah tersebut oleh kerana DISB berhutang dengan KOPSYA. Tujuan "Power of Attorney" (PA) dibuat adalah untuk melaksanakan pemindahan milik hartanah kepada nama KOPSYA jika sekiranya DISB tidak dapat membuat bayaran. Kaveat Persendirian yang dibuat hanyalah bersifat sementara.

4.2.5.2.4 Apakah status emas 1 gram dan 2 gram yang masih belum terjual dan emas keping 5 gram sempena ICA 2017; dan

4.2.5.2.5 Berapakah nilai baki jika semua emas itu dijual.

Maklum balas ALK dan Pengurusan :

KOPSYA telah menjual semua kepingan emas wafer 1 gram, 2 gram dan 5 gram dan hasil pendapatan berjumlah RM705,062.00.

- 4.2.6 Encik Mohd Fauzi bin Mohammed Saif wakil Koperasi Perkhidmatan Pelajaran Nasional Berhad mohon penjelasan sama ada pihak ALK telah menyebarkan kepada semua perwakilan mengenai kandungan Surat Perintah Pembubaran ALK KOPSYA yang telah ditandatangani oleh Pengerusi Eksekutif SKM.

Maklum balas ALK dan Pengurusan:

Pengurus Besar menjelaskan tiada ALK yang menyebarkan kandungan Surat Perintah Pembubaran ALK.

4.3 Keputusan :

Mesyuarat mengambil maklum tentang Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) Bagi Tempoh Januari Sehingga Disember 2019, 2020 Dan 2021 yang dibentangkan.

Pencadang : Ustaz Muhammad Amir Bin Abdullah
(Koperasi Melayu Berjawatan Kerajaan Negeri Sembilan Berhad)

Penyokong : Pn. Anis Akmal Binti Arshad
(Koperasi Kakitangan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam Malaysia Berhad)

AGENDA 5 :

MEMBENTANG DAN MENERIMA PENYATA KEWANGAN YANG TELAH DIAUDIT BAGI TEMPOH JANUARI SEHINGGA DISEMBER 2019, 2020 DAN 2021

(I) KOPERASI PEMBIAYAAN SYARIAH ANGKASA BERHAD

(II) KOPSYA HOSPITALITY SDN. BHD. (KHSB) - SUBSIDIARI

(Asalnya adalah Agenda 7)

5.1 Bendahari membentangkan :

- 5.1.1 Laporan Penyata Kewangan 2019 KOPSYA dari muka surat 90 hingga 153 dan Laporan Penyata Kewangan 2019 KHSB dari muka surat 213 hingga 219 yang telah diaudit oleh Juru Audit Luar Tetuan Headir & Co. di dalam Buku Laporan Tahunan 2019 dan 2020.
- 5.1.2 Laporan Penyata Kewangan 2020 KOPSYA dari muka surat 154 hingga 212 dan Laporan Penyata Kewangan 2020 KHSB dari muka surat 230 hingga 248 yang telah diaudit oleh Juru Audit Luar Tetuan Afrizan Tarmili Khairul Azhar (AFTAAS) di dalam Buku Laporan Tahunan 2019 dan 2020.
- 5.1.3 Laporan Penyata Kewangan 2021 KOPSYA dari muka surat 80 hingga 130 dan Laporan Penyata Kewangan 2021 KHSB dari muka surat 133 hingga 149 yang telah diaudit oleh Juru Audit Luar Tetuan Afrizan Tarmili Khairul Azhar (AFTAAS) di dalam Buku Laporan Tahunan 2021.

5.2 Pertanyaan Perwakilan :

- 5.2.1 Hajah Riguan Binti Rashidi wakil Koperasi Kakitangan Petronas Berhad mohon penjelasan atas beberapa persoalan dan isu yang dibangkitkan beliau seperti berikut :
 - 5.2.1.1 Akaun tahun kewangan 2019 ditutup dengan baki pembiayaan syariah sebanyak RM142.7juta (laporan teraudit 2019 m/s 99). Walau bagaimanapun, laporan audit pada tahun kewangan 2020, menunjukkan baki pembiayaan pada tahun 2019 ada sebanyak RM204.7juta. Persoalannya, bagaimanakah laporan kewangan yang telah diaudit pada tahun 2018/2019 dan 2019/2020 boleh diubah menjadi dua jumlah yang berbeza pada tahun yang sama. Sekiranya ada pelarasan, seharusnya dibuat catatan / nota.

Maklum balas ALK dan Pengurusan :


Pengurus Besar memberi penjelasan atas perkara-perkara yang dibangkitkan perwakilan seperti berikut :

Akaun bagi tahun 2019, 2020 dan 2021 ditutup di bawah Pentadbir SKM dan bukan di bawah ALK. Sepanjang tempoh pembubaran ALK, KOPSYA ditadbir oleh Pentadbir, Tn. Hj. Mohd Amin bin Salih, Mantan Pengarah Siasatan Dan Penguatkuasaan SKM dan Penolong Pentadbir Tn. Hj. Badrishah Bin Hasan, Mantan Pengarah Akaun dan Audit, SKM.

Pengurus Besar memaklumkan perwakilan untuk merujuk kepada paparan skrin seperti maklumat di bawah:-

Tahun	Baki Pembiayaan (RM)	Perincian Kaedah	Juruaudit Luar
2018	191,527,192.00	P+P+P	Aftaas
2018	126,736,512.00	P (Penyelarasan)	Headir & Co.
2019	142,790,394.00	P	Headir & Co.
2019	204,738,135.00	P+P+P (Penyelarasan)	Aftaas
2020	193,118,065.00	P+P+P	Aftaas
2021	208,272,573.00	P+P+P	Aftaas

Untuk tahun 2018, Laporan Audit Luar dijalankan oleh Tetuan AFTAAS dan baki pembiayaan sebanyak RM191,527,192.00. Untuk Tahun 2019, ALK telah bersetuju untuk melantik Tetuan Headir & Co. sebagai juruaudit luar kerana pada masa tersebut Tetuan AFTAAS mempunyai kes mahkamah. Kaedah laporan baki pembiayaan yang dibuat oleh Tetuan Headir & Co. adalah berbeza dengan Tetuan AFTAAS di mana AFTAAS menggunakan kaedah pengiraan baki pembiayaan pokok, penalti dan keuntungan (P+P+P) sebanyak RM191,527,192.00.



Untuk tahun 2019, Tetuan Headir & Co. telah membuat penyelarasan kaedah pengiraan pembiayaan dengan menggunakan kaedah pengiraan baki pembiayaan pokok (P) sahaja sebanyak RM126,736,512.00 bagi tahun berakhir 2018. Pada tahun 2019, baki pembiayaan pokok (P) adalah sebanyak RM142,790,394.00.

KOPSYA telah melantik semula Tetuan AFTAAS pada tahun 2020 dimana penyelarasan telah dibuat dengan menggunakan kaedah pengiraan baki pembiayaan P+P+P sebanyak RM204,738,135.00 bagi tahun berakhir 2019.

- 5.2.1.2 Perkhidmatan juruaudit Tetuan AFTAAS untuk mengaudit akaun tahun kewangan 2021. Berdasarkan semakan yang pernah dibuat oleh KOPETRO, juruaudit tersebut telah digantung lesen oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC) selama 1 tahun (2022 hingga 2023) berdasarkan kes mahkamah yang dihadapi oleh Tetuan AFTAAS dan SKM tidak membenarkan penggunaan juruaudit itu untuk mengaudit akaun koperasi. Mohon penjelasan mengenai isu yang dinyatakan dan sekiranya ada kebenaran bertulis daripada SKM yang membenarkan penggunaan juruaudit tersebut.

Maklum balas ALK dan Pengurusan :

KOPSYA tidak pernah menerima apa-apa makluman dari SKM yang melarang penggunaan juruaudit Tetuan AFTAAS. Tetuan AFTAAS memaklumkan mereka tidak boleh menawarkan perkhidmatan audit hanya kepada *Public Listed Company, License Bank Company, License Insurance* dan sebagainya. Koperasi tidak tersenarai dan masih boleh menggunakan khidmat Tetuan AFTAAS. Keputusan itu juga telah dipersetujui oleh Pentadbir SKM.

- 5.2.1.3 Kadar likuiditi menunjukkan keadaan yang sangat tidak sihat iaitu pada kadar 0.4 di mana jumlah aset semasa mudah cair sebanyak RM61.4juta, tidak cukup untuk menampung liabiliti dan hutang sebanyak RM146.8juta yang menjadikan keadaan semasa di dalam keadaan yang bahaya. Keadaan yang lebih bahaya apabila Kadar Kecairan Tunai (*Cash Liquidity Ratio*) yang terlalu rendah di mana hanya berbaki RM4.5juta pada tahun 2021 iaitu hanya 3% daripada

jumlah hutang / liabiliti semasa. Keadaan tunai yang menyusut dari RM25juta pada tahun 2020 kepada RM4.5juta pada tahun 2021 adalah amat membimbangkan. Selepas pembayaran dividen dibuat sebanyak RM2.5juta untuk tahun kewangan 2021, baki tunai hanya tinggal RM2juta (Rujuk Laporan Teraudit 2021 ms 86 dan 87). Beliau mohon mengetahui sama ada pembayaran dividen tahun ini akan dibayar daripada pinjaman bank. Persoalannya, apakah rancangan kukuh daripada barisan Lembaga untuk mengatasi masalah kewangan selain daripada menambah hutang yang sedia ada dan adakah pembayaran dividen tahun ini akan dibayar daripada pinjaman bank.

Maklum balas ALK dan Pengurusan :

Pengurus Besar memberi penjelasan seperti berikut:

Liabiliti Semasa KOPSYA berjumlah RM146 juta adalah terdiri daripada tiga (3) faktor iaitu pelaburan daripada koperasi, sekuriti deposit daripada koperasi dan keuntungan daripada pembiayaan. Sebahagian daripada pelaburan koperasi adalah untuk jangka masa panjang di mana ianya bercagar (on-lien) dengan pembiayaan. Beliau menerangkan bahawa nisbah gearing KOPSYA adalah tinggi kerana kebergantungan kepada pembiayaan bank. Walau bagaimanapun, pembiayaan tersebut adalah bercagar dengan pembayaran balik melalui Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA). Oleh sebab itu, ditegaskan bahawa 100% pembayaran di KOPSYA adalah terjamin atau dipanggil *secured payment*.

- 5.2.1.4 Kadar Z-score (Altman) pada kadar -0.4 % yang menunjukkan keadaan KOPSYA adalah pada risiko yang sangat bahaya. Altman Z-Score adalah ukuran mengenai kemampuan membayara balik hutang dan juga menjadi ukuran kebangkrapan sesuatu perniagaan. Skor sesuatu perniagaan / syarikat tidak boleh berada di bawah paras 1.8 % menurut teori kajian Altman Z-Score, di mana sekiranya tiada tindakan drastik, perniagaan tersebut hanya boleh bertahan selama 2 tahun. Mohon supaya dapat menerangkan "*turnaround plan*" untuk membaiki situasi tersebut.

Maklum balas ALK dan Pengurusan :

Pengurus Besar memberi penjelasan seperti berikut:

Teori kajian Altman Z-score tidak boleh dijadikan ukuran kepada koperasi seperti KOPSYA yang memberi kemudahan pembiayaan kepada koperasi anggota. Altman Z-score adalah ukuran kepada koperasi atau syarikat yang menjalankan aktiviti perniagaan selain dari kredit. Faktor-faktor lain perlu diambil kira seperti kualiti aset, pengurusan dan kawalan dalaman.

Terdapat organisasi yang mempunyai modal pusingan yang sentiasa negatif disebabkan jumlah liabiliti semasa yang terlalu tinggi (sebahagian besarnya adalah deposit / simpanan yang diterima) berbanding dengan jumlah aset semasa yang kecil (aset semasa hanya mengambil kira tempoh pembiayaan yang dijangka dikutip dalam tempoh satu tahun sahaja)

Pengurus Besar menerangkan status wang tunai KOPSYA di institusi kewangan adalah sebanyak RM17,496,907.00 seperti yang dipaparkan di skrin :

No	Institusi Kewangan	Jumlah (RM)	Perincian
1	Bank Kerjasama Rakyat (M) Berhad	5,031,262.28	-
2	CIMB Islamic Bank Berhad	6,795,066.79	<i>on-lien</i>
3	CIMB Islamic Bank Berhad	1,010,695.33	<i>money market</i>
4	Bank Islam Malaysia Berhad	2,612,073.60	<i>on-lien</i>
5	Co-opBank Pertama (M) Berhad	1,047,809.00	<i>ADK</i>
6	Co-opBank Pertama (M) Berhad	1,000,000.00	<i>Preferred Syer</i>
	Jumlah keseluruhan (RM)	17,496,907.00	

Dana yang digunakan untuk memberi pembiayaan projek kepada koperasi adalah menggunakan syer dan pelaburan dari Koperasi Anggota termasuk ANGKASA. Disebabkan dana yang sangat terhad, KOPSYA tidak dapat membantu banyak koperasi yang memohon pembiayaan projek.

KOPSYA juga telah memberikan moratorium, penjadualan semula dan penstrukturan pembiayaan kepada Koperasi Anggota yang mempunyai masalah pembayaran balik pembiayaan projek.

- 5.2.1.5 Penutupan Hotel Aliya memberi kesan yang sangat besar kepada KOPSYA termasuklah terpaksa menanggung perbelanjaan rosotnilai (*impairment*) yang sangat tinggi iaitu RM4.1juta (Rujuk Laporan teraudit 2021 m/s 90). Persoalannya, apakah langkah-langkah barisan Lembaga dan Pengurusan KOPSYA pada masa yang akan datang untuk menceburi bidang-bidang perniagaan untuk menjadi koperasi yang berdaya maju di dalam bidang perniagaan, disamping itu memastikan adanya *sustainability* dalam satu-satu perniagaan.

Maklum balas ALK dan Pengurusan :

Pengurus Besar memaklumkan bahawa rosotnilai yang telah dibuat berjumlah RM4,106,662.00 adalah tidak berkaitan dengan penutupan Hotel Aliya. Jumlah tersebut adalah rosotnilai yang dibuat kepada hutang DISB sebanyak RM850,684.00, mantan KPE sebanyak RM3,127,124.00 dan peruntukan pembiayaan sebanyak RM128,854.00.

Bagi tahun kewangan 2020 dan 2021, KOPSYA telah memfokus kepada aktiviti perbankan Islam iaitu pembiayaan dan pelaburan yang berlandaskan patuh syariah. Untuk masa hadapan, KOPSYA akan terus fokus untuk menjadi koperasi kewangan Islam unggul yang berdaya saing dan global.

- 5.2.1.6 *Out of curiosity*, adakah terdapat sebarang keperluan untuk menyiarkan kes-kes mahkamah yang telah berlangsung atau masih dalam perbicaraan pada tahun tersebut di dalam buku laporan tahunan. Ini adalah kerana buku laporan akan diberikan kepada rakan niaga, *stakeholders* dan *potential customers* yang boleh memberi impak negatif bagi pelaburan masa depan.

Maklum balas ALK dan Pengurusan :

KOPSYA telah memaklumkan di dalam Buku Laporan KOPSYA 2019, 2020 dan 2021 mengenai kes mahkamah yang berlaku. Koperasi Anggota KOPSYA dan institusi kewangan mempunyai pengetahuan berkenaan perkara tersebut.

Tiada Koperasi Anggota yang menarik diri disebabkan kes mahkamah yang berlaku. Pihak institusi kewangan juga masih menawarkan pembiayaan baru berjumlah RM90juta atas kepercayaan aktiviti pembiayaan yang telah menunjukkan prestasi yang baik selama 10 tahun dan tiada tunggakan yang berlaku.

- 5.2.2 Tn. Hj. Anuar Bin Ibrahim wakil Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad merujuk kepada Laporan Juruaudit Bebas di muka surat 94 mengenai Asas Penafian Pendapat iaitu Juruaudit tidak dibekalkan dengan minit-minit mesyuarat Jawatankuasa Syariah untuk sahkan pematuhan GP28 dan Juruaudit tidak dibekalkan minit ALK bagi tempoh 1 Januari 2020 sehingga 20 September 2020 (tarikh dibubarkan). Beliau mohon penjelasan sama ada Mesyuarat ALK diadakan sepanjang tempoh tersebut dan sekiranya ada di manakah minit-minit mesyuarat tersebut. Beliau juga ingin mengetahui resolusi yang diambil dengan pernyataan juruaudit bahawa rekod tidak disimpan dengan sempurna mengikut Akta Koperasi 1993.

Maklum balas ALK dan Pengurusan :

Pengurus Besar memberi penjelasan seperti berikut:

Asas Penafian oleh juruaudit luar Tetuan Headir & Co. adalah mengenai dokumen minit mesyuarat yang tidak dimajukan kepada juruaudit luar. Beliau menjelaskan pengurusan KOPSYA bersama-sama dengan Pentadbir telah berusaha mendapatkan semua dokumen minit mesyuarat yang diambil oleh SKM semasa proses siasatan dijalankan. Namun, sehingga kini dokumen tersebut belum dikembalikan.

Beliau juga memaklumkan bahawa pada tahun 2019, Mesyuarat Lembaga memang pernah diadakan.

5.2.3 Prof. Dr Abdul Razak Bin Chik wakil Koperasi Universiti Utara Malaysia Berhad merujuk Buku laporan 2019-2020 di muka surat 156 – Laporan Berkanun Pentadbir. Beliau mohon penjelasan lanjut atas pernyataan yang direkodkan di dalam laporan tersebut iaitu “Perkara (a) – Pada pendapat kami, hasil kendalian koperasi untuk tahun berakhir 31 Disember 2020 tidak terlibat dengan apa-apa perkara luar biasa mengikut takrif Seksyen 59 (4) kecuali hutang ragu.”.

Maklum balas ALK dan Pengurusan :

KOPSYA telah membuat peruntukan hutang ragu sebanyak RM72,566.00 untuk tahun berakhir 31 Disember 2020 mengikut takrif seksyen 59(4) seperti berikut:

Bil	Koperasi	RM
1	Koperasi Keluarga Zahili Rabin Melaka Berhad	46,700.22
2	Koperasi Wawasan Pekerja-Pekerja Bersatu Berhad	22,761.31
3	Koperasi Keluarga Khatijah Bahari Merlimau Melaka Berhad	3,104.16


5.2.4 Tn. Hj. Zaharuddin Bin Alias wakil Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad merujuk Laporan Tahunan 2019 (muka surat 94), Laporan Juruaudit Bebas (disediakan oleh Tetuan Headir & Co. – Akauntan bertauliah AF – 1199) ke atas Penyata Kewangan KOPSYA bagi Tahun berakhir 31 Disember 2019 dan Laporan Tahunan 2019, Perkara 8 : Pelbagai Penghutang, Nota-nota Perakaunan (muka surat 120). Beliau mohon penjelasan atas persoalan yang berikut :

5.2.4.1 Kenapa dan mengapa dokumen-dokumen yang diperlukan oleh Juruaudit Luar tidak dibekalkan seperti mana yang dikehendaki sehingga menyebabkan Penafian Pendapat dan Asas Penafian Pendapat oleh Juruaudit luar ke atas Penyata Kewangan Kumpulan dan KOPSYA?

Maklum balas ALK dan Pengurusan :

Pengurus Besar memberi penjelasan seperti berikut:

Asas Penafian oleh juruaudit luar Tetuan Headir & Co. adalah mengenai dokumen minit mesyuarat yang tidak dimajukan kepada juruaudit



luar. Beliau menjelaskan pengurusan KOPSYA bersama-sama dengan Pentadbir telah berusaha mendapatkan semua dokumen minit mesyuarat yang diambil oleh SKM semasa proses siasatan dijalankan. Namun, sehingga kini dokumen tersebut belum dikembalikan.

Beliau juga memaklumkan bahawa pada tahun 2019, Mesyuarat Lembaga memang pernah diadakan.

- 5.2.4.2 Apakah langkah-langkah dan strategi kutipan yang diambil atau telah diambil ke atas pelaburan berjumlah RM4juta kepada Demi Idaman Sdn. Bhd.?

Maklum balas ALK dan Pengurusan :

KOPSYA dan DISB telah menandatangani Perjanjian Penyelesaian di mana KOPSYA juga mengambil PA untuk melaksanakan pemindahan milik hartanah kepada nama KOPSYA jika sekiranya DISB tidak dapat membuat bayaran. KOPSYA juga akan mengambil tindakan undang-undang untuk menampung kekurangan baki hutang.

- 5.2.4.3 Apakah peluang KOPSYA untuk mendapatkan kembali jumlah pelaburan pokok dan faedah ke atasnya?

Maklum balas ALK dan Pengurusan :

KOPSYA telah dimaklumkan oleh pihak peguam mengenai peluang KOPSYA untuk mendapatkan pembayaran hutang adalah cerah. Ini kerana PA kepada aset tersebut telah berjaya didaftarkan di mahkamah tinggi dan proses pindah milik aset akan dibuat melalui perintah mahkamah.

KOPSYA boleh menjual aset tersebut untuk menampung hutang dan jika terdapat baki, KOPSYA boleh mengambil tindakan undang-undang selanjutnya.

- 5.2.5 Tn. Hj. Alimen Bin Ahmad wakil Koperasi Kebajikan Am Langgar Berhad merujuk Akaun Beraudit 2021 – Perbelanjaan ALK dan Jawatankuasa di muka surat 157 yang merekodkan “...*(i) Elaun Tetap RM520,000.00, (ii) Elaun Mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa RM70,000.00 dan (iii) Tuntutan Perjalanan dan Penginapan RM25,000.00.* Beliau menyatakan bahawa semasa tempoh akaun diaudit masih dalam tempoh pembubaran dan tidak diadakan Mesyuarat Agung. Dalam tempoh itu juga KOPSYA diuruskan oleh Pentadbir SKM. ALK tidak memberi apa-apa perkhidmatan. Menurut beliau, “elaun” ertinya saraan yang

dibayar kepada ALK sebagai balasan terhadap khidmat yang diberikan secara tetap. Semua perwakilan faham bahawa sebarang perbelanjaan koperasi mesti dibentang dan diluluskan oleh mesyuarat agung. Beliau memohon penjelasan punca kuasa mana yang meluluskan perbelanjaan (i), (ii) dan (iii) tersebut (jika ia sudah dibelanjakan). Beliau menyarankan atas prinsip moral dan integriti, sekiranya ada ALK yang sudah menerima elaun itu hendaklah mengembalikan semula kepada KOPSYA. Beliau menyeru perwakilan untuk meluluskan Anggaran Belanjawan 2022/2023 dengan pindaan iaitu tanpa meluluskan elaun tetap berjumlah RM520,000.00.

Maklum balas ALK dan Pengurusan :

Pengerusi KOPSYA memaklumkan melalui Perintah Penghakiman Persetujuan yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Malaya di Shah Alam oleh Yang Arif Hakim Dr. Shahnaz Binti Sulaiman pada 29 Julai 2022, mahkamah telah mengembalikan ALK KOPSYA yang lama sepertimana yang asal (*status quo*). 'Status quo' bermaksud apa-apa hak dan faedah-faedah yang sepatutnya diperolehi oleh ALK, adalah berhak untuk dikembalikan dan diserahkan semula kepada ALK yang berkenaan.

- 5.2.6 Dato' Hj. Mat Rejab Bin Kassim wakil Koperasi Alumni KCS Darul Aman Berhad merujuk laporan di muka surat 126 hingga 127 berkaitan tuntutan perjalanan bagi sebahagian ALK yang didapati terlalu tinggi. Beliau mohon penjelasan sama ada ia melibatkan lawatan luar negara?

Maklum balas ALK dan Pengurusan :

Pengurus Besar memaklumkan bahawa amaun tuntutan ALK yang tinggi itu hanya melibatkan kos perjalanan dalam negara sahaja dan tiada kos perjalanan ke luar negara.

- 5.2.7 Ustaz Muhammad Amir Bin Abdullah wakil Koperasi Melayu Berjawatan Kerajaan Negeri Sembilan Berhad memohon penjelasan bagi perkara-perkara berikut :

- 5.2.7.1 Laporan Berkanun Pentadbir di dalam perkara 3 dan 7 di muka surat 92 berbeza dengan Laporan Juruaudit Bebas di muka surat 94 mengenai kejatuhan nilai tidak diambil kira dalam penyata kewangan seperti yang dikehendaki oleh GP 23 Bahagian C Nota 4 (ii) dan Seksyen II MPERS di mana KOPSYA akan mengalami kerugian sebanyak RM7,116,718.00 dan penurunan nilai buku bersih sebanyak RM9,762,500.00.

Maklum balas ALK dan Pengurusan :

Pada tahun kewangan 2019 di bawah pentadbiran SKM, KOPSYA belum melaksanakan kaedah MPERS. Pada tahun itu juga, KOPSYA tidak mengambil kira peruntukan untuk projek coopcity kerana terdapat taruhan pelaburan oleh ANGKASA manakala untuk DISB, terdapat PA kepada aset. Walau bagaimanapun, peruntukan DISB telah dibuat pada tahun kewangan 2020.

- 5.2.7.2 Rosot Nilai sebanyak RM4,106,662.00 adalah untuk tujuan apa dan adakah rosot nilai tersebut boleh diganti semula dengan ditanggung oleh semua ALK berdasarkan Seksyen 45 Akta Koperasi?

Maklum balas ALK dan Pengurusan :

Pengurus Besar memaklumkan bahawa rosotnilai yang telah dibuat berjumlah RM4,106,662.00 adalah dibuat kepada hutang DISB sebanyak RM850,684.00, Mantan KPE sebanyak RM3,127,124.00 dan peruntukan pembiayaan sebanyak RM128,854.00.

- 5.2.7.3 Susulan dari pemeriksaan di bawah Seksyen 64 Akta Koperasi 1993, SKM mengeluarkan Perintah dengan membubarkan ALK KOPSYA dan mengambil alih dengan pelantikan Pentadbir pada 31 September 2020. Walau bagaimanapun, selepas penyerahan semula kuasa kepada ALK, tiada makluman dari SKM mengenainya selain dari Penghakiman Persetujuan Mahkamah Tinggi.

Maklum balas ALK dan Pengurusan :

SKM tidak mengeluarkan sebarang makluman memandangkan Penghakiman Persetujuan oleh Mahkamah Tinggi bertarikh 29 Julai 2022. Di dalam Penghakiman Persetujuan, pihak Responden adalah terdiri daripada SKM, Pentadbir, Menteri KUSKOP dan Kerajaan Malaysia telah untuk membatalkan kedua-dua perintah SKM dan kembali kepada *status quo*.

- 5.2.8 Tn. Hj. Majib Bin Jusoh wakil Koperasi Pengangkutan dan Kepenggunaan Melayu Kedah Utara Berhad merujuk Buku Laporan Tahunan muka surat 94, di mana beliau mohon penjelasan lanjut mengenai pernyataan di dalam Laporan Juruaudit Luar.

Mereka menyatakan tidak dibekalkan dengan minit mesyuarat dan adakah itu bermaksud selama tempoh sembilan (9) bulan tiada mesyuarat Lembaga yang diadakan.

Maklum balas ALK dan Pengurusan :

Pengurus Besar memberi penjelasan seperti berikut:

Asas Penafian oleh juruaudit luar Tetuan Headir & Co. adalah mengenai dokumen minit mesyuarat yang tidak dimajukan kepada juruaudit luar. Beliau menjelaskan pengurusan KOPSYA bersama-sama dengan Pentadbir telah berusaha mendapatkan semua dokumen minit mesyuarat yang diambil oleh SKM semasa proses siasatan dijalankan.

Namun, sehingga kini dokumen tersebut belum dikembalikan. Beliau memaklumkan bahawa pada tahun 2019, Mesyuarat Lembaga memang pernah diadakan.

5.3 Keputusan :

Mesyuarat bersetuju sebulat suara menerima Penyata Kewangan Yang telah Diaudit Bagi Tempoh Januari Sehingga Disember 2019, 2020 Dan 2021 : (i) KOPSYA dan (ii) KOPSYA Hospitality Sdn. Bhd. (Subsidiari)

Pencadang : Tn. Hj. Alimen Bin Ahmad
(Koperasi Kebajikan Am Langgar Berhad)

Penyokong : Tn. Hj Ismail Bin Muda
(Koperasi Peka Malaysia Berhad)

5.4 Pengerusi Mesyuarat memohon persetujuan semua perwakilan untuk meneruskan mesyuarat dengan Agenda 4 dan Agenda 5.

5.5 Keputusan :

Mesyuarat bersetuju sebulat suara untuk meneruskan mesyuarat dengan Agenda 4 dan Agenda 5.

Pencadang : Tn. Hj. Mohamad Hanifah Bin BK Koya Moideen Kutty
(Koperasi Guru Melayu Pahang Selatan Berhad)

Penyokong : Ustaz Muhammad Amir Bin Abdullah
(Koperasi Melayu Berjawatan Kerajaan Negeri Sembilan Berhad)

**AGENDA 6:
MELANTIK LIMA BELAS (15) ANGGOTA LEMBAGA
(Asalnya adalah Agenda 4)**

6.1 Pengerusi Mesyuarat memaklumkan bahawa mengikut Undang-undang Kecil KOPSYA Perkara 36 (1) dan 36 (4), lima belas (15) orang ALK KOPSYA yang gugur sepanjang tempoh tiga (3) tahun 2019-2021 ialah :

Tahun	Bil.	Nama	Jawatan
2019	1.	Tn. Hj. Mohamad Azmi bin Omaruddin	Setiausaha
	2.	Dato' Ismail bin Nordin	ALK
	3.	Tn. Hj. Usuf bin Samah @ Abu Samah	ALK
	4.	Datuk Hajah Noraini binti Datuk Seri Panglima Hj. Salleh	ALK
	5.	Dato' Hj. Nik Hassan Fauzi bin Hj. Nik Abdullah	ALK
2020	1.	Dato' Hj. Kamarudin bin Ismail	Timbalan Pengerusi
	2.	Datuk Sahadivanaidu A/L Baliah	ALK
	3.	Datuk Hj. Mohamad Ali bin Hasan	ALK
	4.	Pn. Hajah Armi binti Zainudin	ALK
	5.	Dato' Hj. Aliasak bin Hj. Ambia	ALK
2021	1.	Datuk Seri Dr. Hj. Abdul Fattah bin Hj. Abdullah	Pengerusi
	2.	Tn. Hj. Mansor bin Ab. Rahman	Bendahari
	3.	Tn. Hj. Mutadho bin Bahri	ALK
	4.	Mohd. Zamal Abidin bin Wahit	ALK
	5.	Tn. Hj. Ahmat Murtza bin Saleh	ALK

6.2 Pengerusi Mesyuarat memaklumkan pemilihan lima belas (15) ALK akan dipilih melalui undian oleh perwakilan. Mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KOPSYA telah memperakui calon-calon yang layak bertanding berdasarkan syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan mengikut Undang-Undang Kecil. Daripada seramai 48 calon yang disenaraikan, empat (4) calon telah menarik diri.

6.3 Pengerusi Mesyuarat membentangkan senarai nama 44 calon yang layak bertanding dan empat (4) calon telah menarik diri seperti berikut :

No. Calon	Nama Calon	Nama Koperasi Yang Diwakili
1	Haji Alimen Bin Ahmad	Koperasi Kebajikan Am Langgar Berhad
2	Dato' Jurey Latiff Bin Mohd Rosli	Koperasi Seniman Kuala Lumpur Berhad
3	Mohd Fauzi Bin Mohammed Saif	Koperasi Perkhidmatan Pelajaran Nasional Berhad (KOPENAS)
4	Prof. Dr. Abdul Razak Bin Chik	Koperasi Universiti Utara Malaysia Berhad
5	Datuk Seri Dr. Haji Abdul Fattah Bin Haji Abdullah	Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA)
6	Datuk Haji Azih Bin Muda	Koperasi Kospeta Malaysia Berhad
7	Mohamad Mortadza Bin Mantrang	Koperasi Guru Bumiputera Sarawak Berhad
8	Haji Ismail Bin Muda	Koperasi Peka Malaysia Berhad
9	Haji Hamdan Bin Othman	Koperasi Pembangunan Daerah Seremban Berhad
10	Haji Mohamad Noor Bin Mohamad	Koperasi Muslimin Malaysia Berhad
11	Haji Ts. Mohd Mudasir Bin Abdullah	Koperasi Celcom Berhad
12	Dato' Haji Ibrahim Bin Abdullah	Koperasi Guru Melayu Negeri Sembilan Berhad
13	Azhari Bin Rose	Koperasi Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Islam Al-Ihsan Lipis Berhad
14	DSP Suhaimi Bin Haji Ahmad	Koperasi Bumiputera Jasin Melaka Berhad
15	Datuk Kamarulazli Bin Jaafar (Telah Menarik Diri)	Koperasi Pengusaha Pekerja Malaysia Berhad
16	Dato' Haji Mat Rejab Bin Kassim	Koperasi Alumni KCS Darul Aman Berhad

17	Hajah Noorizan Binti Abd Latif (Telah Menarik Diri)	Koperasi Keluarga Haji Abdul Latif Seremban Berhad
18	Syahrudin Bin Hanib	Koperasi Kakitangan Universiti Teknologi Mara Berhad
19	Haji Abdul Rahman Bin Ali	Koperasi Kariah Masjid Bukit Sentosa Dan Bukit Beruntung Berhad
20	Jamaluddin Bin Sulaiman	Koperasi Orang Melayu Parit 4/5 Sungai Besar Berhad
21	Haji Zaharuddin Bin Alias	Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad
22	Haji Mansor Bin Ab. Rahman	Koperasi Guru-Guru Lepas Maktab/ Pusat Latihan Harian Pahang (Koguru) Berhad
23	Dato' Haji Kamarudin Bin Ismail (Telah Menarik Diri)	Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA)
24	Haji Mohamad Azmi Bin Omaruddin	Koperasi Serbaguna Iman Malaysia Berhad
25	Datuk Haji Mohamad Ali Bin Hasan	Koperasi Permodalan Melayu Negeri Johor Berhad
26	Dr. Haji Abu Hanipah Bin Ramli	Koperasi Batu Talam Berhad
27	Meor Mohd Faizul Bin Abd Karim	Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad
28	Hajah Riguan Binti Rashidi	Koperasi Kakitangan Petronas Berhad
29	Dato' Haji Nik Hassan Fauzi Bin Haji Nik Abdullah	Koperasi Koswip Malaysia Berhad
30	Prof. Ts. Dr. Razali Bin Hassan	Koperasi Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Berhad
31	Ustaz Muhammad Amir Bin Abdullah	Koperasi Melayu Berjawatan Kerajaan Negeri Sembilan Berhad (KOMBEKNS)
32	Haji Zakaria Bin Zainol	Koperasi Guru-Guru Melayu Kedah Berhad
33	Ahmad Bin Gidi	Koperasi Kariah Surau Ikhwanul Muslimin Kuching Berhad

34	Misilamani A/L Ramasamy (Telah Menarik Diri)	Koperasi Maju Jaya Malaysia Berhad
35	Dato' Haji Ismail Bin Nordin	Koperasi Perianita Taiping Berhad
36	Letchumanan A/L Ponnann	Koperasi Yatra Hindu Malaysia Berhad
37	Hajah Rashidah Binti Haji Ismail	Koperasi Bersatu Gading Ledang Berhad
38	Haji Mohd Jamil Bin Othman	Koperasi Bersatu Kepala Bukit Permatang Pauh Berhad
39	Norizah Binti Abdullah	Koperasi Usahawan Kecil Raub Berhad
40	Nor Hisham Bin Abdullah Sani	Koperasi Aspirasi Berhad
41	Dato' Wong York Mung	Koperasi Sahabat Fulda Malaysia Berhad
42	Lt Kol Azarul Azuan Bin Abdullah	Koperasi Perumahan Angkatan Tentera Berhad
43	Datuk Hajah Noraini Binti Datuk Seri Panglima Haji Salleh	Koperasi Jaya Diri Papar Berhad
44	Haji Mohamad Khozali Bin Junus	Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Daerah Kulim Berhad
45	Prof. Dr. Haji Wan Mohtar Bin Wan Yusoff	Koperasi Unikeb Berhad
46	Shamsinar Binti Dato' Mohamed Noor	Koperasi Jaya Murni Wanita Berhad
47	Haji Nor Zahari Bin Zakaria	Koperasi Kakitangan Felcra (Malaysia) Berhad
48	Dato' Seri Dr. Haji Arsit Bin Sedi	Koperasi Pembangunan Usahasama Masyarakat Maju Sabah Berhad

- 6.4 Semua permohonan pencalonan di atas telah disemak dan memenuhi kehendak syarat-syarat pencalonan. Calon-calun tersebut layak bertanding berdasarkan syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan mengikut Undang-undang Kecil dan telah disahkan oleh Jawatankuasa Pencalonan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KOPSYA ke-8 (MAPT).
- 6.5 Pengerusi Mesyuarat mengumumkan senarai nama empat (4) calon yang telah menarik diri daripada bertanding seperti berikut :

Bil	Nama Calon	Nama Koperasi Yang Diwakili
1	Datuk Kamarulazli Bin Jaafar	Koperasi Pengusaha Pekerja Malaysia Berhad
2	Hajah Noorizan Binti Abd Latif	Koperasi Keluarga Haji Abdul Latif Seremban Berhad
3	Dato' Haji Kamarudin Bin Ismail	Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA)
4	Misilamani A/L Ramasamy	Koperasi Maju Jaya Malaysia Berhad

- 6.6 Pengerusi Mesyuarat mengumumkan keputusan pengundian yang telah disemak dan disahkan oleh Juruaudit Luar Tetuan AFTAAS seperti berikut :

6.6.1 Keputusan pengundian calon ALK

Bil	Nama Calon	Jumlah Undi
1	Datuk Seri Dr. Abdul Fattah bin Abdullah	675 Undi
2	DSP Suhaimi bin Hj. Ahmad	599 Undi
3	Hajah Riguan binti Rashidi	540 Undi
4	Datuk Hj. Azih bin Muda	522 Undi
5	Tn. Hj. Alimen bin Ahmad	521 Undi
6	Prof. Ts. Dr. Razali bin Hassan	504 Undi
7	Datuk Hj. Mohamad Ali bin Hasan	499 Undi
8	Tn. Hj. Zaharuddin bin Alias	496 Undi
9	Prof. Dr. Hj. Wan Mohtar bin Wan Yusoff	464 Undi
10	En. Mohd. Fauzi bin Mohamed Saif	439 Undi

11	Hajah Norizah binti Abdullah	435 Undi
12	Tn. Hj. Mohd. Jamil bin Othman	411 Undi
13	Tn. Hj. Mohamad Noor bin Mohamad	382 Undi
14	En. Syahrudin bin Hanib	372 Undi
15	En. Meor Mohd. Faizul bin Abd. Karim	356 Undi
16	Prof. Dr. Abdul Razak bin Chik	352 Undi
17	Dato' Hj. Ibrahim bin Abdullah	324 Undi
18	Tn. Hj. Mohamad Azmi bin Omaruddin	265 Undi
19	Tn. Hj. Ismail bin Muda	262 Undi
20	Dato' Hj. Ismail bin Nordin	250 Undi
21	Datuk Hajah Noraini binti Datuk Seri Panglima Hj. Salleh	246 Undi
22	Tn. Hj. Ahmad bin Gidi	243 Undi
23	En. Mohamad Mortadza bin Mantrang	232 Undi
24	Tn. Hj. Mansor bin Ab. Rahman	221 Undi
25	Dato' Hj. Nik Hassan Fauzi bin Hj. Nik Abdullah	213 Undi
26	Pn. Shamsinar binti Mohamed Noor	190 Undi
27	Dato' Seri Dr. Hj. Arsit bin Sedi	189 Undi
28	Pn.Rashidah binti Ismail	172 Undi
29	Dato' Jurey Latiff bin Mohd. Rosli	172 Undi
30	En. Mohd. Mudasir bin Abdullah	171 Undi
31	Ustaz Muhammad Amir bin Abdullah	163 Undi
32	Dato' Hj. Mat Rejab bin Kassim	160 Undi
33	Lt. Kol. Azarul Azuan bin Abdullah	160 Undi
34	Dr. Hj. Abu Hanipah bin Ramli	158 Undi
35	En. Nor Zahari bin Zakaria	148 Undi
36	Tn. Hj. Abdul Rahman bin Ali	130 Undi
37	En. Azhari bin Rose	114 Undi
38	Tn. Hj. Zakaria bin Zainol	112 Undi

39	Mohamad Khozali bin Junus	112 Undi
40	Nor Hisham bin Abdullah Sani	105 Undi
41	Hamdan bin Othman	94 Undi
42	Dato' Wong York Mung	90 Undi
43	Jamaluddin bin Sulaiman	80 Undi
44	Lechumanan A/L Ponnar	62 Undi

6.6.2 Pengerusi Mesyuarat mengumumkan lima belas (15) calon yang menerima undian tertinggi daripada perwakilan, terpilih sebagai ALK KOPSYA pada MAPT Kali Ke-8 2022 seperti berikut :

Bil	Nama
1	Datuk Seri Dr. Abdul Fattah bin Abdullah
2	DSP Suhaimi bin Hj. Ahmad
3	Hajah Riguan binti Rashidi
4	Datuk Hj. Azih bin Muda
5	Tn. Hj. Alimen bin Ahmad
6	Prof. Ts. Dr. Razali bin Hassan
7	Datuk Hj. Mohamad Ali bin Hasan
8	Tn. Hj. Zaharuddin bin Alias
9	Prof. Dr. Hj. Wan Mohtar bin Wan Yusoff
10	En. Mohd. Fauzi bin Mohamed Saif
11	Hajah Norizah binti Abdullah
12	Tn. Hj. Mohd. Jamil bin Othman
13	Tn. Hj. Mohamad Noor bin Mohamad
14	En. Syahrudin bin Hanib
15	En. Meor Mohd. Faizul bin Abd. Karim

AGENDA 7 :

**MELANTIK JAWATANKUASA PENENTUSAH MINIT MESYUARAT AGUNG
 PERWAKILAN TAHUNAN KOPSYA KALI KE-8**

(Asalnya adalah Agenda 5)

7.1 Pengerusi Mesyuarat memaklumkan Jawatankuasa Pencalonan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KOPSYA Ke-8 telah mengesahkan calon-calon yang layak bertanding Jawatankuasa Penentusah Minit MAPT Ke-8 bagi memenuhi kuota enam (6) orang perwakilan adalah seperti berikut :

No. Calon	Nama Calon	Nama Koperasi Yang Diwakili
1	Ustaz Muhammad Amir Bin Abdullah	Koperasi Melayu Berjawatan Kerajaan Negeri Sembilan Berhad
2	Haji Adnan Bin Awang	Koperasi Guru-guru DTC Malaysia Berhad
3	Haji Saidon Bin Othman	Koperasi Pembangunan Daerah Kuantan Berhad
4	Sharul Baha Bin Abd Rahman	Koperasi Usahawan Bersatu Ipoh Perak Berhad
5	Zaharin Shah Bin Zainal Abidin	Koperasi Semangat Wawasan Berhad
6	Haji Majib Bin Jussoh	Koperasi Pengangkutan Dan Kepenggunaan Melayu Kedah Utara Berhad
7	Haji Ibrahim Bin Abdul Rauf	Koperasi Integrasi Muslim Perak Berhad
8	Haji Mohamad Hanifah Bin B K Koya Moideen Kutty	Koperasi Guru Melayu Pahang Selatan Berhad
9	Anis Akmal Binti Arshad	Koperasi Kakitangan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam Malaysia Berhad
10	Mohd Yatim Bin Zakaria	Koperasi Peneroka Felda Pasir Raja Kulai Jaya Berhad
11	Dato' Haji Mat Rejab Bin Kassim	Koperasi Alumni KCS Darul Aman Berhad

7.2 Pengerusi Mesyuarat mengumumkan sesi pengundian fizikal dan secara maya berjalan serentak. Tempoh masa mengundi bermula jam 1:30 petang dan ditutup pada jam 3:30 petang.

7.3 Pengerusi Mesyuarat mengumumkan keputusan pengundian yang telah disemak dan disahkan oleh Juruaudit Luar Tetuan AFTAAS seperti berikut :

7.3.1 Keputusan pengundian calon Jawatankuasa Penentusah Minit MAPT KOPSYA Kali Ke-8.

Bil	Nama Calon	Jumlah Undi
1	Pn. Anis Akmal binti Arshad	618 Undi
2	Ustaz Muhammad Amir bin Abdullah	538 Undi
3	Saidon bin Othman	538 Undi
4	Adnan bin Awang	528 Undi
5	Majib bin Jussoh	461 Undi
6	Mohamad Hanifah bin B K Koya Moideen Kutty	449 Undi
7	Sharul Baha bin Abd. Rahman	448 Undi
8	Zaharin Shah bin Zainal Abidin	438 Undi
9	Mat Rejab bin Kassim	392 Undi
10	Ibrahim bin Abdul Rauf	323 Undi
11	Mohd. Yatim bin Zakaria	223 Undi

- 7.3.2 Pengerusi Mesyuarat mengumumkan enam (6) calon yang menerima undian tertinggi daripada perwakilan, terpilih sebagai Jawatankuasa Penentusah Minit MAPT KOPSYA Kali Ke-8 seperti berikut :

Bil	Nama
1	Pn. Anis Akmal binti Arshad
2	Ustaz Muhammad Amir bin Abdullah
3	Saidon bin Othman
4	Adnan bin Awang
5	Majib bin Jusoh
6	Mohamad Hanifah bin B K Koya Moideen Kutty

AGENDA 8 :

MEMBENTANG DAN MELULUSKAN ELAUN-ELAUN DAN MANFAAT-MANFAAT YANG AKAN DIBERIKAN KEPADA ALK DAN ANGGOTA JAWATANKUASA

- 8.1 Bendahari membentangkan kadar bayaran elaun mesyuarat, tuntutan serta manfaat-manfaat kepada ALK dan Jawatankuasa yang dilantik dari muka surat 151 hingga 154 di dalam Buku Laporan Tahunan 2021.
- 8.2 Pertanyaan Perwakilan :
- 8.2.1 Tn. Hj. Ghazali bin Omar wakil Koperasi Permodalan Dan Kebajikan Guru Melayu Kedah Berhad
- 8.2.1.1 Mohon supaya dinyatakan secara perbandingan kadar elaun yang dibayar sebelum ini dengan kadar baharu yang hendak dicadangkan. Beliau mohon penjelasan sama ada berlaku kenaikan atau pengurangan berbanding kadar elaun yang dibayar sebelum ini.
- 8.2.1.2 Beliau berpendapat kadar elaun yang lama wajar dikekalkan sehingga akhir tahun ini. Kajian untuk menaikkan elaun boleh dipertimbangkan untuk pelaksanaan mulai tahun hadapan 2023.
- 8.2.1.3 Beliau mencadangkan tiada keperluan untuk mewujudkan kemudahan Bantuan Persekolahan Anak-Anak ALK dan Perlindungan Takaful ALK.

8.2.2. Tn. Hj. Ismail bin Muda wakil Koperasi Peka Malaysia Berhad

8.2.2.1 Mohon Bendahari menjelaskan secara ringkas perbandingan kadar elaun lama dan cadangan baharu berserta bilangan mesyuarat dalam setahun.

8.2.2.2 Beliau bersetuju dengan pandangan supaya tiada keperluan untuk mewujudkan kemudahan Bantuan Persekolahan Anak-Anak ALK.

8.2.3 Datuk Hj. Azih bin Muda wakil Koperasi Kospeta Malaysia Berhad mohon Bendahari memberi penjelasan dalam bentuk perbandingan kadar elaun lama dan kadar baharu.

8.2.4 Tn. Hj. Zulkarnain bin Hj. Ismail wakil Koperasi Perumahan Melayu Perak Berhad merujuk dan mengaitkan Agenda yang dibentangkan ini dengan *Perkara G. Perbelanjaan ALK dan Jawatankuasa* di muka surat 156 hingga 157 dalam Agenda 9.

Maklum balas ALK dan Pengurusan untuk pertanyaan perwakilan dari para 8.2.1 hingga 8.2.4:

Pengerusi KOPSYA memaklumkan di dalam bajet tahun sebelum pembubaran ada diperuntukkan Elaun Tetap untuk ALK. Tiada peruntukan dibuat selepas pentadbiran diambil alih oleh Pentadbir SKM.

Pengurus Besar memaklumkan berdasarkan kelulusan belanjawan Mesyuarat Agung yang lepas, kadar Elaun Tetap yang dibayar kepada “Top 4” (Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari) ialah sebanyak RM3,000.00 sebulan manakala untuk ALK lain sebanyak RM1,000.00 sebulan yang dirangkumkan di dalam Perbelanjaan Anggota Lembaga dan Jawatankuasa. Dalam tempoh berlaku Covid-19, kadar elaun “Top 4” tersebut telah dikurangkan kepada RM2,000.00 sebulan.

Seterusnya, beliau menjelaskan amaun berjumlah RM520,000.00 dalam Anggaran Bajet 2022 adalah terdiri daripada elaun tunggakan sepanjang tempoh pembubaran sehingga akhir tahun 2022. Perincian tunggakan elaun dianggarkan berjumlah RM424,000.00 dan baki adalah untuk bajet Elaun Mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa mulai bulan September hingga Disember 2022 (4 bulan).

Menurut beliau, pada masa ini elaun mesyuarat untuk ALK KOPSYA hanya dibayar sebanyak RM600.00 bagi setiap ALK tanpa mengira jawatan. Manakala elaun mesyuarat untuk Jawatankuasa lain dibayar pada kadar RM500.00.

Di dalam Anggaran Belanjawan Tahun 2023, elaun mesyuarat untuk ALK dan Jawatankuasa dicadangkan untuk dinaikkan mengikut portfolio yang disandang. Kenaikan itu juga dibuat atas justifikasi ALK tidak lagi diperuntukkan bayaran Elaun Tetap.

Perbandingan kadar elaun sedia ada dan perubahan baharu dijelaskan seperti berikut :

A.	Elaun Mesyuarat	Kadar Sedia Ada (RM)	Cadangan Kadar Baharu Dalam Bajet 2023 (RM)
	1. ALK		
	i. Pengerusi	600.00	1,000.00
	ii. Timbalan Pengerusi	600.00	900.00
	iii. Setiausaha	600.00	900.00
	iv. Bendahari	600.00	900.00
	v. ALK	600.00	800.00
	2. Jawatankuasa		
	i. Jawatankuasa Audit Dalaman	500.00	Pengerusi
	ii. Jawatankuasa Exco	500.00	850.00
	iii. Jawatankuasa Risiko	500.00	
	iv. Jawatankuasa Susulan Kredit	500.00	Ahli Jawatankuasa
	v. Jawatankuasa Syariah	1,000.00	800.00
B.	Elaun Tugas-Tugas Rasmi ALK	Kadar Sedia Ada (RM)	Cadangan Kadar Baharu Dalam Bajet 2023 (RM)
	1. Tugas / Perbincangan di Pejabat KOPSYA		
	2. Majlis Rasmi	200.00	300.00
	3. Merasmikan Program / Memberi Ucapan		
	4. Menghadiri Seminar / Kursus		
	5. Sebagai Penemu duga	400.00	500.00
	6. Menghadiri Mesyuarat Dengan Agensi Luar		

C.	Tuntutan-Tuntutan ALK Dan Jawatankuasa	Kadar Sedia Ada (RM)	Cadangan Kadar Baharu Dalam Bajet 2023 (RM)
	1. Perbatuan (Mileage)		
	i. Kereta / Van	1.00/km	1.00/km
	ii. Motosikal	0.50/km	0.50/km
	2. Penginapan Dan Lodging		
	i. Semenanjung		
	• Hotel	400.00	400.00
	• Lodging	200.00	200.00
	ii. Sabah / Sarawak		
	• Hotel	450.00	450.00
	• Lodging	250.00	300.00
	iii. Negara ASEAN		
	• Hotel	500.00	Kelulusan Lembaga dan kadar nilai matawang semasa
	• Lodging	300.00	
	iv. Luar negara selain dari ASEAN	-	

Lain-lain tuntutan seperti pengangkutan, manfaat ALK dan bantuan persekolahan anak-anak ALK dikekalkan seperti kadar sedia ada.

8.3 Keputusan :

Mesyuarat membuat ketetapan seperti berikut:

8.3.1 Tidak meluluskan elaun-elaun dan manfaat-manfaat yang akan diberikan kepada ALK dan Anggota Jawatankuasa mengikut kadar cadangan yang baru.

8.3.2 Elaun-elaun dan manfaat-manfaat dikekalkan dengan kadar yang sedia ada kecuali tiada bantuan persekolahan anak-anak untuk ALK.

8.3.3 Perlindungan takaful untuk ALK dilaksanakan untuk tahun kewangan 2023.

Pencadang : Tn. Hj. Ghazali bin Omar
(Koperasi Permodalan Dan Kebajikan Guru Melayu Kedah Berhad)

Penyokong : Tn. Hj. Ismail bin Muda
(Koperasi Peka Malaysia Berhad)

AGENDA 9 :

MEMBENTANG DAN MELULUSKAN ANGGARAN BELANJAWAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2022 DAN ANGGARAN BELANJAWAN 2023

- 9.1 Bendahari membentangkan Anggaran Belanjawan Bagi Tahun Kewangan 2022 dan Anggaran Belanjawan 2023 dari muka surat 156 hingga 158 dalam Buku Laporan Tahunan 2021.
- 9.2 Pertanyaan Perwakilan :
- 9.2.1 Tn. Hj. Ghazali bin Omar wakil Koperasi Permodalan Dan Kebajikan Guru Melayu Kedah Berhad merujuk muka surat 157, Perkara G : Perbelanjaan ALK dan Jawatankuasa
- 9.2.1.1 Beliau memohon penjelasan sama ada ALK turut mengambil elaun semasa dalam Perintah Pembubaran ALK KOPSYA.
- 9.2.1.2 Sekiranya telah dibayar, beliau ingin mengetahui sebab pembayaran itu dibuat sedangkan perkara itu belum diluluskan dalam Mesyuarat Agung.
- 9.2.2 En. Abdul Razak bin Chik wakil Koperasi Universiti Utara Malaysia Berhad memohon penjelasan sama ada sepanjang tempoh pembubaran ALK KOPSYA dan diambil alih urusan oleh Pentadbir (2019-pertengahan 2022), berlaku sebarang pembayaran elaun-elaun kepada Lembaga.
- 9.2.3 Tn. Hj. Ismail bin Muda wakil Koperasi Peka Malaysia Berhad memohon penjelasan mengenai bajet 2022 berkaitan dengan pembayaran elaun tetap kepada ALK KOPSYA pada tahun 2022 berjumlah RM520,000.00. Beliau mencadangkan peruntukan itu dikeluarkan. Beliau berharap penjelasan yang terperinci dan jika perlu dibuat undian untuk membuat keputusan.

Maklum balas ALK dan Pengurusan untuk pertanyaan perwakilan dari para 9.2.1 hingga 9.2.3:

ALK KOPSYA telah menerima separuh daripada tunggakan elaun tetap. KOPSYA akan membentangkan belanjawan 2022 mengenai perbelanjaan anggota lembaga di dalam perkara (G) di dalam agenda 9 untuk kelulusan MAPT KOPSYA ke-8.

9.2.4 Dato' Hj. Mat Rejab bin Kassim wakil Koperasi Alumni KCS Darul Aman Berhad memohon penjelasan mengenai bajet 2022 dan 2023.

9.2.4.1 Adakah ia bajet yang realistik dan berapa peratus telah dicapai sehingga bulan Oktober 2022.

9.2.4.2 Beliau juga mencadangkan supaya perbelanjaan ALK dikurangkan 30% bagi memberi peluang ALK yang dipilih membuktikan kemampuan meningkatkan prestasi KOPSYA.

Maklum balas ALK dan Pengurusan:

Pengerusi KOPSYA memaklumkan bahawa berdasarkan Akaun Pengurusan sehingga September 2022, anggaran keuntungan bersih KOPSYA telah mencapai RM8.76juta. Jumlah tersebut belum termasuk perbelanjaan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan, bayaran baki tunggakan elaun tetap ALK dan peruntukan hutang ragu.

Pengerusi KOPSYA memaklumkan di dalam Belanjawan 2023, tiada lagi diperuntukkan elaun tetap ALK.

Pengerusi KOPSYA memaklumkan pihak Tetuan Amar Syiimir Izzat & Sham akan memberi penjelasan terperinci berkaitan pertanyaan mengenai kelayakan pembayaran elaun tunggakan kepada ALK semasa tempoh pembubaran.

9.3 Pertanyaan Perwakilan :

9.3.1 Tn. Hj. Ismail bin Muda wakil Koperasi Peka Malaysia Berhad mencadangkan elaun perwakilan ke MAPT kali ini dinaikkan sebanyak RM150.00 seorang untuk yang hadir secara fizikal manakala kehadiran secara maya sebanyak RM100.00 seorang. Implikasi kewangan untuk kenaikan elaun tersebut dianggarkan sebanyak RM105,000.00 dan beliau mencadangkan peruntukan itu diambil daripada bajet RM520,000.00 yang diperuntukkan untuk elaun tunggakan dan elaun tetap ALK.

Maklum balas ALK dan Pengurusan:

Pengerusi KOPSYA memaklumkan tiada masalah untuk mempertimbangkan tambahan elaun perwakilan MAPT tetapi dalam masa yang sama perwakilan juga perlu menimbang kewajaran untuk meluluskan bajet elaun tetap berjumlah RM520,000.00.

- 9.3.2 Tn. Hj. Mohamad Noor bin Mohamad wakil Koperasi Muslimin Malaysia Berhad berpendapat dalam tempoh pembubaran, ALK tidak seharusnya menerima elaun kerana di dalam tempoh itu mereka tidak bertugas. Menurutnya lagi tindakan itu bukan sahaja salah dari segi undang-undang tetapi juga bercanggah dari aspek moral / agama.

Maklum balas ALK dan Pengurusan:

KOPSYA mengambil maklum dengan pendapat Tn. Hj. Mohamad Noor bin Mohamad.

- 9.3.3 Datuk Abd Rahim Hj. Hashim wakil Koperasi Alumni MKM Kuala Lumpur Berhad

9.3.3.1 Berpendapat perwakilan mesyuarat ini boleh mempertimbangkan untuk meluluskan bayaran elaun tetap kepada ALK semasa dalam tempoh pembubaran cuma amaunnya mungkin boleh dikurangkan sedikit atau bayaran hanya diberi kepada sebahagian ALK yang bekerja keras untuk mengembalikan semula hak ALK yang wajar dipertimbangkan. Secara peribadi, beliau sendiri tidak bersetuju dengan tindakan SKM terhadap KOPSYA dan ALK yang dianggap tidak adil.

9.3.3.2 Beliau menyokong penuh cadangan untuk menaikkan elaun mesyuarat kepada perwakilan dan ALK malah berpendapat amaun yang dicadangkan seharusnya lebih tinggi selari dengan keuntungan yang diperolehi dan bilangan koperasi yang menjadi anggota.

9.3.3.3 Beliau juga mencadangkan supaya ALK yang baharu boleh memilih / melantik Bendahari yang betul-betul berkelayakan dan mempunyai kelayakan akademik dalam bidang perakaunan.

9.3.3.4 Beliau bersetuju elaun tetap RM520,000.00 diberi kepada ALK dengan harapan pada tahun hadapan dan seterusnya keuntungan KOPSYA akan terus meningkat. Justeru, beliau menyeru semua koperasi untuk berkempen bagi menambah jumlah syer dalam KOPSYA. Melalui modal syer yang banyak akan membolehkan KOPSYA merancang lebih banyak aktiviti perniagaan yang dapat menjana lebih banyak perolehan pada masa akan datang.

Maklum balas ALK dan Pengurusan untuk pertanyaan 9.3.3:

KOPSYA mengambil maklum dengan pendapat Datuk Abd Rahim Hj. Hashim.

- 9.3.4 Tn. Hj. Mustafa bin Bukhari wakil Koperasi Peserta-Peserta Felcra Kerbau Temerloh Berhad menyatakan beliau tidak bersetuju bayaran elaun tetap semasa dalam tempoh pembubaran kerana pada masa itu ALK tidak menjalankan tugas. Beliau berpendapat memadai untuk KOPSYA membayar elaun kepada Pentadbir sahaja yang telah melaksanakan kerja-kerja pentadbiran.

Maklum balas ALK dan Pengurusan:

KOPSYA mengambil maklum dengan pendapat Tn. Hj. Mustafa bin Bukhari.

- 9.3.5 Datuk Hj. Azih bin Muda wakil Koperasi Kospeta Malaysia Berhad menyatakan beliau bersetuju dengan cadangan supaya pihak peguam memberi penjelasan mengenai kelayakan ALK untuk menerima elaun tetap dalam tempoh pembubaran. Beliau berpendapat konsep "*rules of law*" harus difahami oleh semua perwakilan dan disebabkan itu beliau amat bersetuju agar diberi peluang kepada peguam untuk memberi pencerahan sejelasnya.

Maklum balas ALK dan Pengurusan:

KOPSYA mengambil maklum dengan pendapat Datuk Hj. Azih bin Muda.

Pengerusi KOPSYA memaklumkan tiada masalah untuk mempertimbangkan tambahan elaun perwakilan MAPT tetapi dalam masa yang sama perwakilan juga perlu menimbang kewajaran untuk meluluskan bajet elaun tetap berjumlah RM520,000.00. Beliau memaklumkan semasa dalam tempoh pembubaran, ALK tidak pernah berhenti berusaha untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi sehingga melantik peguam untuk kes difailkan di mahkamah dan akhirnya hak dikembalikan semula berdasarkan keputusan Perintah Mahkamah bertarikh 29 Julai 2022. Beliau berharap setelah mendengar penjelasan peguam, perwakilan boleh membuat pertimbangan secara rasional, adil dan mengambil kira semua perkara sebelum membuat keputusan.

9.4 Penjelasan Peguam Tetuan Amar Syiimir Izzat & Sham :

En. Muhammad Nor Izzat bin Nordin wakil Tetuan Amar Syiimir Izzat & Sham memberi penjelasan berdasarkan intipati surat Penjelasan Perintah Persetujuan Mahkamah bertarikh 29 Julai 2022 seperti yang telah diedarkan. Secara ringkas, peguam menjelaskan seperti berikut :

- 9.4.1 MAPT Ke-8 yang dilaksanakan pada 29 Oktober 2022 adalah juga untuk mematuhi salah satu perkara di dalam Perintah Persetujuan Mahkamah.

- 9.4.2 Kronologi Ringkas Prosiding yang membawa kepada Perintah Persetujuan Mahkamah bermula apabila SKM menerima aduan mengenai ALK KOPSYA. Pihak SKM telah membuat pemeriksaan ke Pejabat KOPSYA dan meneliti dokumen-dokumen yang berkaitan. Hasilnya, terdapat penemuan yang membawa kepada keluarnya dua (2) Perintah iaitu Perintah Pembubaran ALK dan Perintah Perlantikan Pentadbir SKM bertarikh 25 September 2020.
- 9.4.3 ALK yang berkenaan telah membuat rayuan kepada pihak Menteri (responden Ke-3) dan rayuan tersebut telah ditolak.
- 9.4.4 Pada bulan Disember 2020, ALK melantik peguam untuk memfailkan satu permohonan di Mahkamah Tinggi bagi mencabar Perintah yang dikeluarkan SKM. Sejak itu sehingga tarikh Mahkamah memutuskan melalui perintah Penghakiman bertarikh 29 Julai 2022, ALK telah mengadakan perjumpaan dengan peguam bagi menyediakan Afidavit dan urusan lain berkaitan Mahkamah.
- 9.4.5 Pihak Responden adalah terdiri daripada SKM, Pentadbir, Menteri KUSKOP dan Kerajaan Malaysia. Hasil perbincangan tiga (3) pihak iaitu Penasihat Undang-Undang SKM, penasihat Undang-Undang Kementerian, wakil Jabatan peguam negara (mewakili Menteri) dan akhirnya kesemua pihak tersebut bersetuju untuk membatalkan kedua-dua perintah SKM.
- 9.4.6 Pihak Responden juga bersetuju untuk pihak ALK dikembalikan '*status quo*' sebagai ALK KOPSYA. '*Status quo*' bermaksud apa-apa hak dan faedah-faedah yang sepatutnya diperolehi oleh ALK, adalah berhak untuk dikembalikan dan diserahkan semula kepada ALK yang berkenaan.
- 9.4.7 Elaun yang dimaksudkan adalah Elaun Tetap yang telah diluluskan dalam MAPT terakhir KOPSYA tahun 2019. Memandangkan Perintah Pembubaran ALK berlaku pada 25 September 2020, maka asas yang diambil untuk penerimaan elaun itu adalah berdasarkan kelulusan MAPT Tahun 2019.

9.5 Keputusan :

Mesyuarat bersetuju sebulat suara meluluskan Anggaran Belanjawan Bagi Tahun Kewangan 2022 dan Anggaran Belanjawan 2023 dengan pindaan seperti berikut :

- 9.5.1 Anggaran Belanjawan Tahun 2022 - Perkara G (i) Perbelanjaan ALK Dan Jawatankuasa : Elaun Tetap berjumlah RM520,000.00 dikurangkan kepada RM250,000.00.

9.5.2 Elaun Kehadiran Perwakilan MAPT Ke-8 dinaikkan sebanyak RM150.00 bagi kehadiran fizikal dan maya.

Pencadang : Datuk Hj. Azih bin Muda
(Koperasi Kospeta Malaysia Berhad)

Penyokong : Tn. Hj. Ismail bin Muda
(Koperasi Peka Malaysia Berhad)

AGENDA 10 :

MEMBENTANG DAN MELULUSKAN CADANGAN KONTRAK TAWARRUQ UNTUK DEPOSIT KOPERASI ANGGOTA

10.1 Setiausaha membentangkan Cadangan Kontrak Tawarruq Untuk Deposit Koperasi Anggota dari muka surat 160 hingga 161 dalam Buku Laporan Tahunan 2021.

10.2 Mesyuarat dimaklumkan bahawa Tawarruq mempunyai dua kontrak belian dan jualan. Kontrak pertama melibatkan jualan aset secara tangguh. Seterusnya, pembeli bagi kontrak jualan pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan kaedah semasa.

10.3 Keputusan :

Mesyuarat bersetuju sebulat suara meluluskan Cadangan Kontrak Tawarruq Untuk Deposit Koperasi Anggota.

Pencadang : Tn. Hj. Anuar bin Ibrahim
(Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad)

Penyokong : Prof. Madya Abdul Razak bin Chik
(Koperasi Universiti Utara Malaysia Berhad)

AGENDA 11 :

MEMILIH PANEL JURUAUDIT LUAR BAGI TAHUN 2022

11.1 Pengerusi membentangkan tiga (3) Firma Audit untuk pemilihan Juruaudit bagi mengaudit akaun tahun 2022 seperti berikut :

Bil.	Firma Audit	Alamat
1.	Tetuan AFTAAS Afrizan Tarmili Khairul Azhar	2, Jalan Rampai Niaga 2, Rampai Business Park 50300 Kuala Lumpur Tel : 03-4143 9330 Faks : 03-4142 9330
2.	Tetuan MNZ Waja	No. 28A, Wisma WAJA Jalan Kota Raja E27/E1 HICOM Town Centre, Seksyen 27 40400 Shah Alam, Selangor Tel : 03-5191 7334 Faks : 03-5191 4200
3.	Tetuan Wan Nadzir & Co.	No 1C, Block 1, Tingkat 3 Worldwide Business Park Jalan Tinju 13/50, Section 13, Shah Alam Tel : 03-5511 7512 Faks : 03-5512 7513

11.2 Cadangan Tetuan AFTAAS (Afrizan Tarmili Khairul Azhar) untuk mengaudit akaun KOPSYA yang berakhir Disember 2022 dipilih berdasarkan pengalaman mengaudit Koperasi dan Institusi Kewangan, perkhidmatan yang profesional dan tersenarai dalam SKM sebagai Juruaudit Swasta.

11.3 Keputusan :

Mesyuarat bersetuju memberi mandat kepada Ahli Lembaga KOPSYA berkenaan pemilihan Panel Juruaudit Luar Bagi Tahun 2022.

Pencadang : Encik Mustfa Kamal bin Sulaiman
 (Koperasi Peserta-Peserta Felcra Gugusan Sungai Kambang Berhad)

Penyokong : Tn. Hj. Majib bin Jusoh
 (Koperasi Pengangkutan Dan Kepenggunaan Melayu Kedah Utara Berhad)

AGENDA 12:

MEMBENTANG DAN MELULUSKAN CADANGAN SKOP DAN HAD PELABURAN

- 12.1 Bendahari membentangkan Cadangan Skop dan Had Pelaburan di muka surat 166 di dalam Buku Laporan Tahunan 2021.
- 12.2 Bendahari memaklumkan bahawa Had Pelaburan dikekalkan sebanyak RM40bilion di dalam sektor-sektor berikut :
- (a) Hartanah;
 - (b) Peruncitan;
 - (c) Perladangan;
 - (d) Industri; dan
 - (e) Subsidiari
- 12.3 Keputusan :

Mesyuarat bersetuju sebulat suara meluluskan skop dan had pelaburan dikekalkan sebanyak RM40bilion.

Pencadang : Tn. Hj. Mohamad Hanifah bin BK Koya Moideen Kutty
(Koperasi Guru Melayu Pahang Selatan Berhad)

Penyokong : Tn. Hj. Majib bin Jusoh
(Koperasi Pengangkutan Dan Kepenggunaan Melayu Kedah Utara Berhad)

AGENDA 13:

MEMBENTANG DAN MELULUSKAN CADANGAN HAD MAKSIMUM KEBERHUTANGAN

- 13.1 Bendahari membentangkan Cadangan Had Maksimum Keberhutangan di muka surat 168 di dalam Buku Laporan Tahunan 2021.
- 13.2 Bendahari memaklumkan Cadangan Had Maksimum Keberhutangan KOPSYA dikekalkan sebanyak RM20bilion.
- 13.3 Keputusan :

Mesyuarat bersetuju sebulat suara mengekalkan Had Maksimum Keberhutangan sebanyak RM20bilion.

Pencadang : En. Mustfa Kamal bin Sulaiman
(Koperasi Peserta-Peserta Felcra Gugusan Sungai KambangBerhad)

Penyokong : Ustaz Muhammad Amir Bin Abdullah
(Koperasi Melayu Berjawatan Kerajaan Negeri Sembilan Berhad)

AGENDA 14 :

MENIMBANG DAN MELULUSKAN CADANGAN PEMBERIAN DIVIDEN 2019, 2020 DAN 2021

14.1 Setiausaha membentangkan Cadangan Pemberian Dividen 2019, 2020 dan 2021 di muka surat 170 di dalam Buku Laporan Tahunan 2021 seperti berikut :

Tahun Kewangan	Kadar Dividen (%)	Jumlah Dividen (RM)
2019	2.5%	1,267,512.00
2020	0%	0
2021	5%	2,653,380.00

14.2 Pertanyaan Perwakilan :

14.2.1 Tn. Hj. Mohamad Hanifah bin BK Koya Moideen Kutty wakil Koperasi Guru Melayu Pahang Selatan Bhd. mencadangkan pemberian dividen diluluskan dan dikreditkan ke dalam modal syer Koperasi Anggota

Maklum balas ALK dan Pengurusan :

Pengerusi KOPSYA memaklumkan dividen akan dikreditkan terus ke dalam modal syer koperasi

14.2.2 Tn. Hj. Mohamad Noor bin Mohamad wakil Koperasi Muslimin Malaysia Berhad menyokong cadangan pemberian dividen seperti mana yang dibentangkan tetapi dengan pindaan. Beliau menyatakan pemberian dividen kepada Koperasi Anggota bukan hanya berdasarkan keuntungan pada tahun tersebut sebaliknya ia boleh juga dilihat dari segi keuntungan terkumpul. Beliau yakin bahawa KOPSYA memperoleh keuntungan terkumpul. Justeru, beliau mencadangkan dividen sebanyak 2.5% juga diberi untuk tahun 2020. Beliau bersetuju pemberian dividen dikreditkan terus ke dalam modal syer Koperasi Anggota.

Maklum balas ALK dan Pengurusan :

Pengerusi KOPSYA memaklumkan cadangan pemberian 2.5% dividen bagi tahun 2020 boleh dipertimbangkan.

14.3 Keputusan :

Mesyuarat bersetuju sebulat suara meluluskan pemberian dividen sebanyak 2.5% untuk tahun 2019 dan sebanyak 5% bagi tahun 2021 yang akan dikreditkan ke dalam modal syer Koperasi Anggota.

Pencadang : Tn. Hj. Mohamad Hanifah bin BK Koya Moideen Kutty
(Koperasi Guru Melayu Pahang Selatan Berhad)

Penyokong : Tn. Hj. Mohamad Noor bin Mohamad
(Koperasi Muslimin Malaysia Berhad)

AGENDA 15 : MENDENGAR DAN MEMUTUSKAN APA-APA USUL YANG DITERIMA DARI PERWAKILAN

15.1 ALK, Datuk Hj. Mohamad Ali bin Hasan merangkap Pengerusi Jawatankuasa Usul membentangkan Usul-usul Dan Ulasan Jawatankuasa Usul di muka surat 1 hingga 11 di dalam Buku Usul

15.2 Jawatankuasa Usul telah meneliti 34 Usul yang diterima daripada 24 Koperasi Anggota dan telah bersetuju seperti ketetapan berikut :

15.2.1 Usul diterima tanpa bahas

USUL	PERINCIAN	PEMBAWA USUL	ULASAN
1	Menambahkan lagi perniagaan peruncitan pembedaan.	Koperasi Keluarga Sulaiman Dan Kasmah Kuala Lumpur Berhad	Diterima.
2	Menambahkan bahagian peladangan dan ternakan haiwan.		KOPSYA sedia membantu dari segi Pembiayaan berdasarkan terma dan syarat.
3	Mengkaji prosedur dan syarat- syarat Pembiayaan yang dapat membantu kemajuan Koperasi Anggota selaras dengan visi KOPSYA 'Koperasi Menengah Kewangan Nasional yang memacu kemajuan gerakan Koperasi dan Negara'.	Koperasi Muslimin Malaysia Berhad	Diterima. KOPSYA sentiasa membantu berdasarkan terma dan syarat.

4	Penglibatan guru-guru dari Koperasi Sekolah untuk lawatan penanda aras.	Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Tasik Kesuma Beranang Berhad	Diterima. KOPSYA bersedia menerima mana-mana Koperasi Anggota hadir ke pejabat KOPSYA.
5	Menitik beratkan kepatuhan Syariah dalam mentadbir KOPSYA tanpa memandang kawan atau bukan kawan, demi menjaga kemuliaan nama KOPSYA.	Koperasi Orang Melayu Parit 4/5 Sungai Besar Berhad	Diterima. KOPSYA mengalu-alukan penglibatan semua Koperasi Anggota dalam aktiviti-aktiviti perniagaan KOPSYA. KOPSYA mempunyai Jawatankuasa Syariah yang sentiasa memastikan KOPSYA menjalankan operasi dan aktiviti berlandaskan patuh Syariah.
6	KOPSYA hendaklah membenarkan Pembiayaan RM10,000.00 sehingga RM50,000.00. Pembiayaan perlulah dimasukkan terus ke dalam akaun koperasi.	Koperasi Bersatu Gading Ledang Berhad	Diterima. Tetapi dengan Pembiayaan secara cagaran dan menepati terma dan syarat.
7	Dividen tahunan daripada KOPSYA ditambah ke dalam saham koperasi.		Diterima. Mengikut Undang-Undang Kecil (UUK) KOPSYA di perkara Dividen 65(2) di muka surat 41.

8	KOPSYA juga perlu memberikan sokongan kepada koperasi kecil yang ingin maju.	Koperasi Peneroka Felda Sungai Koyan Satu Lipis Berhad	Diterima. KOPSYA sedia membantu Pembiayaan kepada semua koperasi.
9	Mewujudkan cawangan KOPSYA mengikut zon seperti Utara, Selatan, Timur, Sabah dan Sarawak bagi memudahkan berurusan.	Koperasi Pengangkutan Dan Kepenggunaan Melayu Kedah Utara Berhad	Diterima. Di dalam Perancangan Pelan Lima Tahun Strategik KOPSYA.
